

"DARIPADA Zubair bin Awam Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda maksudnya : "Sekiranya salah seorang daripada kamu membawa tali lalu pergi ke bukit untuk mencari kayu, kemudian ia pikul kayu tersebut ke pasar untuk menjualnya demi menjaga kehormatannya, nescaya yang demikian itu adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada orang lain, baik diberi mahupun ditolak".

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama To Lam dan Tuan Yang Terutama Le Minh Hung.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama To Lam dan Tuan Yang Terutama

Le Minh Hung, berikutan dengan pelantikan masing-masing sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini.



Berita Utama



5 papan tanda rasmi penghulu mukim dirasmikan

Muka 6



MENYOKONG kesejahteraan, penyertaan aktif warga emas

Muka 7

Mesyuarat memperkasa keupayaan perkongsian data bencana peringkat ASEAN

Oleh : Marlinawaty Hussin

GADONG, Rabu, 8 April. - Bengkel dan Mesyuarat Rangkaian Pengurusan Maklumat Pusat AHA Ke-6 (The 6th AHA Centre Information Management Network, 6th AIM-NET) membuka tirainya hari ini, menandakan satu lagi langkah penting dalam usaha memperkasakan keupayaan perkongsian data bencana di peringkat ASEAN.

Majlis pembukaan bagi bengkel dan mesyuarat tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon, di The Centrepoint Hotel, di sini.

>> Muka 6

Pelancaran perkhidmatan SMS Tabung Dana Pembinaan Masjid

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Sejak kutipan sumbangan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dibukakan melalui perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) pada tahun 2015 hingga 2025, tabung berkenaan telah berjaya mengutip sebanyak BND2,114,287.

Sehingga bulan Mac 2026, baki keseluruhan kutipan Tabung Dana

berkenaan adalah sebanyak BND30,300,986.17.

Sejak penubuhannya, Tabung Dana tersebut telah berjaya melaksanakan tiga projek pembinaan masjid baharu, dua projek tambahan bangunan masjid serta tiga projek pemuliharaan.

>> Muka 3

Sambutan Hari Raya RB pupuk semangat kebersamaan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Kemeriahn suasana Hari Raya Aidilfitri masih terus dirasakan dan diraikan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) juga tidak ketinggalan pada pagi tadi menganjurkan Majlis Hari Raya Aidilfitri tahunannya, Silaturahmi Syawal Bersama RB, yang berlangsung di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri


Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah RB; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah RB.

>> Muka 4



MEMPELAJARI tajwid sempurnakan bacaan Al-Quran

Muka 18



TEKNOLOGI di sebalik kamera tanpa cermin

Muka 20

ANGGARAN PENDUDUK NBD MENINGKAT

جابتن قراچن ايكونومي دان ستاتيسټيڪ
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM


ANGGARAN PENDUDUK, 2025 POPULATION ESTIMATES, 2025

Anggaran Penduduk
Population Estimates

458,600 orang
persons

Kadar Pertumbuhan Tahunan
Annual Growth Rate

0.7%



Jantina
Sex

Lelaki
Male: 244,800 (53.4%)

Perempuan
Female: 213,800 (46.5%)

Taraf Penduduk
Residential Status

Rakyat Brunei
Brunei Citizens: 351,700 (76.7%)

Penduduk Tetap
Permanent Residents: 26,500 (5.8%)

Penduduk Sementara
Temporary Residents: 80,400 (17.5%)

Daerah
District

Tutong: 48,500 (10.6%)

Belait: 67,900 (14.8%)

Brunei Muara: 332,700 (72.5%)

Temburong: 9,500 (2.1%)

Bangsa
Race

Melayu
Malay: 337,200 (73.5%)

Cina
Chinese: 44,500 (9.7%)

Lain-Lain
Others: 76,900 (16.8%)

Kumpulan Umur
Age Group

00-14 years: 90,800 (19.8%)

15-64 years: 331,500 (72.3%)

65+ years: 36,300 (7.9%)

Nota: Jumlah peratus mungkin tidak selaras kerana angka dikanapikan. Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).
Note: Total percentage may not tally due to rounding. Source: Department of Economic Planning and Statistics (DEPS).

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Anggaran jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2025 ialah 458,600 orang berbanding 455,500 orang pada tahun 2024.

Ini menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.7 peratus berbanding 1.1 peratus pada tahun 2024. Jumlah penduduk pada tahun 2025 terdiri daripada 53.4 peratus lelaki

(244,800 orang) dan 46.6 peratus perempuan (213,800 orang). Nisbah jantina ialah 114.5 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

Rakyat Brunei menyumbang bahagian terbesar iaitu 76.7 peratus (351,700 orang) daripada jumlah penduduk.

Agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara masing-masing ialah 5.8 peratus (26,500 orang) dan 17.5 peratus (80,400 orang).

Daerah Brunei dan Muara mencatatkan bilangan penduduk tertinggi iaitu sebanyak 72.5 peratus (332,700 orang) daripada jumlah penduduk, diikuti oleh Daerah Belait dengan 14.8 peratus (67,900 orang), Daerah Tutong dengan 10.6 peratus (48,500 orang) dan Daerah Temburong dengan 2.1 peratus (9,500 orang).

Mengikut taburan umur, kira-kira 19.8 peratus (90,800 orang) daripada jumlah penduduk berumur di bawah 15 tahun, 72.3 peratus (331,500 orang) adalah penduduk berumur 15-64 tahun dan 7.9 peratus (36,300 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas.

Umur penengah (median) penduduk pada tahun 2025 adalah 32.8 tahun berbanding 32.4 tahun pada tahun 2024.

Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 73.5 peratus (337,200 orang) daripada jumlah

ANGGARAN PENDUDUK, 2025 POPULATION ESTIMATES, 2025

Tahun / Year		Jumlah Penduduk / Total Population		Kadar Pertumbuhan Tahunan (%) / Annual Growth Rate (%)	
2020	2021	2022	2023	2024	2025
441,800	440,715	445,400	450,500	455,500	458,600
-2.0%	-0.2%	1.1%	1.1%	1.0%	0.7%

Daerah / District	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Brunei Muara	236,000	232,194	235,000	237,700	240,700	244,800
Belait	205,800	208,521	210,400	212,800	214,800	213,800
Temburong	83,200	83,669	83,800	84,000	84,500	85,000
Tutong	25,700	25,834	25,800	26,000	26,300	26,500
Daerah Lain-Lain	83,900	81,212	81,200	82,200	82,700	80,400

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	SABTU	22	4 . 47	4 . 57	6 . 15	6 . 38	12 . 22	3 . 29	6 . 28	7 . 37
12	AHAD	23	4 . 47	4 . 57	6 . 15	6 . 37	12 . 22	3 . 29	6 . 28	7 . 37
13	ISNIN	24	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 30	6 . 27	7 . 37
14	SELASA	25	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 37	12 . 22	3 . 30	6 . 27	7 . 37
15	RABU	26	4 . 45	4 . 55	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 30	6 . 27	7 . 37
16	KHAMIS	27	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 36	12 . 21	3 . 31	6 . 27	7 . 37
17	JUMAAT	28	4 . 44	4 . 54	6 . 13	6 . 36	12 . 21	3 . 31	6 . 27	7 . 37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️	32 25 °C ☁️🌧️
Pekan Bangar	33 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️	32 25 °C ☁️🌧️
Pekan Tutong	33 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️	32 25 °C ☁️🌧️
Kuala Belait	33 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️	32 25 °C ☁️🌧️

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 11 APRIL 2026

Kesihatan adalah asas pembangunan negara

HARI Kesihatan Sedunia mengingatkan kita bahawa kemajuan dalam kesihatan awam dibina atas asas bukti saintifik dan kerjasama pelbagai sektor. Vaksin, sistem pengawasan penyakit, alat pengesanan awal dan dasar kesihatan awam semuanya adalah hasil sains dan kerjasama.

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seluruh dunia meraikan Hari Kesihatan Sedunia atau World Health Day bagi memperkukuh kesedaran dan komitmen terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Pada tahun ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema 'Bersama Untuk Kesihatan. Teguh Bersama Sains' (Together for Health. Stand with Science), yang menyeru semua pihak termasuk kerajaan, saintis, agensi berkepentingan dan seluruh masyarakat untuk memilih bukti, dipercayai fakta dan menyokong tindakan berasaskan sains demi kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar kita.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2026, apabila kita berpegang kepada sains, kita memilih untuk melindungi dan menyelamatkan nyawa.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan menyeru agar semua pihak untuk sentiasa mempercayai maklumat yang berasaskan sains dan menolak penyebaran maklumat yang salah, terutama sekali dalam era perkongsian maklumat digital yang pantas ini.

Kesihatan bukan sahaja tanggungjawab kerajaan dan petugas kesihatan, ia adalah tanggungjawab bersama dan kita semua memainkan peranan yang penting untuk menjaga kesihatan masing-masing.

Kementerian Kesihatan juga menyeru agar setiap rakyat dan penduduk NBD untuk mempercayai dan bertindak berdasarkan bukti saintifik bagi melindungi kesihatan diri sendiri dan orang-orang yang tersayang.

Masyarakat turut digalakkan untuk menyokong program vaksinasi, langkah-langkah kesihatan awam dan penggunaan ubat-ubatan yang bertanggungjawab, terutamanya antimikrob atau *antibiotics* demi memelihara keberkesannya untuk generasi akan datang.

Hari Kesihatan Sedunia menjadi peringatan bahawa kesihatan adalah asas pembangunan negara. NBD telah mencapai banyak kemajuan dalam sektor kesihatan, namun cabaran seperti penyakit tidak berjangkit, penuaan penduduk dan kesihatan mental memerlukan tindakan bersepadu. Pengalaman daripada pandemik COVID-19 menunjukkan kepentingan kesiapsiagaan sistem kesihatan dalam menghadapi krisis.

Dengan kerjasama semua pihak, matlamat kesejahteraan kesihatan untuk semua (*universal health*) mampu direalisasikan. Kesihatan bukan hanya tanggungjawab pihak berkuasa, tetapi tanggungjawab bersama demi masa depan negara yang lebih sejahtera.

Tanpa pencegahan penyakit yang proaktif, kita akan menanggung akibat yang besar dari segi kos, kualiti hidup dan daya saing negara. Pencegahan penyakit proaktif bukan sekadar penyelesaian perubatan, tetapi tanggungjawab seluruh masyarakat dan keperluan untuk pembangunan negara dalam era baharu. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

PELANCARAN PERKHIDMATAN SMS TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



MAJLIS disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat menerima sumbangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd., Awang Radin Sufri Radin Basiuni.

>> Muka 1

Pada masa ini, dua projek pembinaan masjid baharu sedang giat dilaksanakan, iaitu Masjid Kampung Lamunin dan Masjid Kampung Ukong, kedua-duanya di Daerah Tutong.

InsyaaAllah, tiga lagi projek pembinaan masjid baharu telah dirancang menggunakan peruntukan Tabung Dana ini.


Orang ramai sekali lagi berpeluang untuk menyumbang ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam melalui perkhidmatan SMS bagi tempoh sembilan bulan bermula hari ini hingga 31 Disember 2026.

Sumbangan boleh disalurkan melalui perkhidmatan SMS dengan menaip 'MASJID' diikuti 100, 50, 20, 15, 10, 5 atau 1 tanpa jarak dan dihantar ke talian 38111 bagi pengguna DST dan Progresif, manakala 39999 bagi pengguna Imagine Sendirian Berhad (Imagine).

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam Tahun 2026 diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana berkenaan.

Turut mengiringi ialah Ketua Pegawai Eksekutif DST Sdn. Bhd. (DST), Awang Radin Sufri Radin Basiuni; Ketua Pegawai Pentadbiran Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Awang Abdul Hakeem bin Haji Basir; dan wakil Imagine, Awang Mohamed Hazman bin Dato Paduka Awang



Haji Othman.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid selaku Ketua Urusetia Tabung Dana, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri serta Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Cheong Chee Keong.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor

Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Majlis pelancaran tersebut diserikan dengan tayangan video promosi perkhidmatan SMS Tabung Dana, diikuti dengan acara penghantaran sumbangan melalui SMS secara beramai-ramai oleh para hadirin.

Acara diteruskan dengan Majlis

YANG Berhormat semasa hadir pada majlis berkenaan.

Penerimaan Sumbangan Hasil Kutipan Perkhidmatan SMS Tabung Dana bagi Tahun 2025.

Sebanyak BND121,622 telah berjaya dikutip melalui perkhidmatan SMS yang dibukakan selama 10 bulan, bermula 27 Mac 2025 hingga 31 Disember 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif DST, telah menyerahkan sumbangan hasil kutipan SMS sebanyak BND91,501.00, diikuti sumbangan tambahan daripada DST sebanyak BND10,000.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pentadbiran Progresif, menyerahkan sebanyak BND28,375 daripada hasil kutipan SMS, serta sumbangan tambahan sebanyak BND1,000.

Manakala wakil Imagine menyerahkan sumbangan sebanyak BND5,000, yang merupakan hasil kutipan SMS daripada pelanggan dan pihak syarikat berkenaan.

Penubuhan Tabung Dana ini dihasratkan sebagai wadah berterusan bagi umat Islam di negara ini untuk menabung pahala melalui pembinaan masjid, di samping menjadi peluang untuk meraih ganjaran akhirat.

Pelancaran dana tersebut juga memberi peluang kepada umat Islam untuk berinfak dengan niat ibadah serta melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga segala amalan yang dilakukan diterima dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
- 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
- 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

SAMBUTAN HARI RAYA ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM



BERANGKAT pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Pengerusi Baiduri Bank (atas). Sementara gambar atas kanan, turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada sambutan berkenaan.



جائتین فراتخون ایکنومی دان ستاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL HILBAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

JERUDONG, Jumaat, 10 April. – Bagi menghargai sokongan pelanggan, rakan perniagaan dan pemegang saham, Bank Baiduri hari ini telah mengadakan majlis tahunan Baiduri Silaturahmi sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Berangkat pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Pengerusi Baiduri Bank.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Siaran Akhbar dan Foto : Baiduri Bank



Acara ini bertujuan untuk menghimpunkan para tetamu bagi mempererat semula hubungan dalam semangat silaturahmi. Ia menampilkan reruai kaligrafi yang popular di mana para tetamu boleh membawa pulang cenderahati istimewa yang diperibadikan dalam bentuk kenang-kenangan kaligrafi Islam.

Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank, Ti Eng Hui, berkata, "Baiduri Silaturahmi merupakan satu acara yang bermakna bagi kami untuk berkumpul dan meraikan hubungan kukuh yang telah kami bina selama ini. "Pelanggan adalah teras kepada apa yang kami lakukan dan kepercayaan serta kesetiaan mereka yang berterusan telah

menjadi asas kepada setiap pencapaian yang kami raih, daripada memperluaskan capaian melangkaui sempadan, memperkasakan individu melalui kesejahteraan kewangan, hingga memajukan komitmen kami terhadap kelestarian".

Baiduri Silaturahmi merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Baiduri untuk menghormati dan mengeratkan hubungan dengan mereka yang telah menyumbang kepada perjalanan bank itu.

Sejajar dengan nilai terasnya iaitu memperkaya, memperkasakan dan melibatkan komuniti, acara tersebut mencerminkan komitmen bank berkenaan untuk meraikan kejayaan bersama dalam cara yang bermakna.



Sambutan Hari Raya RB pupuk semangat kebersamaan



SILATURAHIM Syawal Bersama RB dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah RB; dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah RB (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Majlis tersebut turut menghimpunkan para jemputan kehormat termasuk pegawai kanan kerajaan, rakan korporat, agensi pelancongan serta anggota kor diplomatik.

Turut hadir ialah duta-duta, pesuruhjaya tinggi dan wakil dari beberapa perwakilan asing, mencerminkan hubungan antarabangsa serta kerjasama erat yang dipupuk oleh RB.

Acara diserikan dengan sambutan mesra serta persembahan tradisional Hari Raya, yang menonjolkan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



semangat kebersamaan dan penghargaan. RB terus komited dalam memperkukuh hubungan dengan

para pemegang taruh dan komuniti antarabangsa, di samping meraikan nilai-nilai kebudayaan yang menyatukan negara.

35 TERIMA SIJIL UJIAN KEMAHIRAN BAHASA JEPUN



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang calon.

SUNGAI TILONG, Jumaat, 10 April. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei (NBD) hari ini merayakan 35 individu yang berjaya lulus dalam Ujian Kemahiran Bahasa Jepun (Japanese Language Proficiency

Test - JLPT) dalam pelbagai peringkat bahasa.

Majlis Penyampaian Sijil JLPT 2025 itu berlangsung di Kediaman Rasmi Duta Besar Jepun di NBD, Kampung Sungai Tilong, di sini.

Semasa majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka menyampaikan sijil-sijil kepada para calon yang berjaya serta mengucapkan tahniah atas pencapaian mereka.

Tuan Yang terutama juga menggalakkan mereka untuk terus mendalami bahasa dan budaya Jepun dengan lebih lanjut.

Seramai 73 orang telah menduduki JLPT 2025 merangkumi pelbagai tahap bahasa, dari N1 hingga N5. Darpada jumlah tersebut, seramai 35 orang telah lulus, iaitu lima orang bagi tahap N2, seorang bagi N3, 11 orang bagi N4 dan 18 orang bagi N5.

JLPT ditawarkan oleh Japan Foundation sejak tahun 1984 sebagai satu kaedah yang boleh dipercayai untuk menilai dan memperakui tahap kecekapan penutur bukan asli bahasa Jepun (*non-native Japanese speakers*).

Di NBD, JLPT mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan sejak itu ia diadakan pada setiap Disember. Sementara itu, JLPT 2026 akan diadakan pada

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Ahad, 6 Disember 2026 di mana pendaftaran akan dibukakan bermula Ogos hingga September 2026 nanti.

Salah seorang calon yang berjaya memperoleh tahap N5 pada ujian tersebut, Awang Mohammad Danial Syahmi Faiq bin Shaiful mengongsikan bahawa permulaan beliau minat mempelajari bahasa Jepun secara sendiri dan kemudiannya mengasah kemahiran bertutur dengan rakan-rakan berbangsa Jepun selain mengikuti Kursus Bahasa Jepun.

Perancangan masa hadapan beliau ingin meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa Jepun ke peringkat lebih tinggi agar dapat dimanfaatkan pada masa akan datang.

Menurutnya, untuk menguasai bahasa Jepun, beliau cuba belajar memahami perkataan-perkataan baharu dan seterusnya cuba membentuk ayat serta meningkatkan kemahiran kosa kata.

Turut hadir pada majlis



AWANG Mohammad Danial Syahmi Faiq bin Shaiful ketika ditemu bual.

tersebut, perwakilan asing ke NBD, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh, Guru-guru Bahasa Jepun dari Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C); Universiti Brunei Darussalam dan sekolah-sekolah menengah serta Ahli-ahli Eksekutif Persatuan Alumni Jepun Brunei (BAJA).

Sidang Media mengenai ISB BGIC

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEKITAR Sidang Media bagi Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei Ke-21 (ISB BGIC) yang akan diadakan pada 10 hingga 13 April (atas). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada Sidang Media tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 April. - Dengan menumpukan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Ke-7 iaitu Tenaga Mampu Milik dan Bersih, Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei Ke-21 (ISB BGIC) menyaksikan penglibatan lebih 300 pelajar perwakilan daripada 23 buah sekolah iaitu 22 daripada Negara Brunei Darussalam dan sebuah dari luar negara.

Berlangsung dari 10 hingga 13 April 2026, ISB BGIC Ke-21 dianjurkan oleh ISB dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan dan disokong oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam dan Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam.

ISB telah menganjurkan Sidang Media hari ini di Kampus ISB di Kampung Sungai Hanching, dengan memperkenalkan penyampai ucapatama bagi persidangan berkenaan iaitu Tim Jarvis AM dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Ken O'Flaherty.

Tim Jarvis AM merupakan seorang saintis alam sekitar, penjelajah, penulis dan pembikin dokumentari British - Australia yang terkenal kerana mengulangi

ekspedisi Antartika bersejarah seperti milik Douglas Mawson dan Ernest Shackleton menggunakan peralatan asal. Beliau berkelulusan sarjana dalam sains dan undang-undang alam sekitar, pernah menasihati organisasi tentang kelestarian, serta mengetuai projek iklim seperti 25zero dan The Forktree Project.

Sementara itu, Ken O'Flaherty telah dilantik sebagai Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam pada Ogos 2025 selepas berkhidmat sebagai Kuasa Usaha ad interim ke Myanmar. Sebagai Ahli Perkhidmatan Diplomatik United Kingdom sejak tahun 1996, beliau pernah berkhidmat di Itali, Perancis, Jepun dan Kesatuan Eropah, serta sebelum ini memegang jawatan sebagai Duta Serantau COP26 bagi rantau Indo-Pasifik, menyumbang kepada usaha tindakan iklim berkaitan COP26. Kerjaya beliau merangkumi bidang diplomasi dalam keselamatan, perdagangan, iklim dan tindak balas krisis, termasuk kepimpinan semasa wabak COVID-19 di Eropah.

ISB BGIC Ke-21 ditaja oleh penaja utama Golden Tree, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN); penaja Silver Leaf iaitu Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Hibiscus Petroleum Sdn. Bhd. serta BYD |

Denza, Maju Motors Sdn. Bhd.; penaja Bronze Earth iaitu Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) serta penaja dalam bentuk sumbangan iaitu Aewon Garment & Embroidery, Air Cat Logistics Sdn. Bhd., TLT Enterprise, D'Sunlit Sdn. Bhd., Interhouse Company, dan Brunei Press Sdn. Bhd.

Wakil daripada tiga penaja tersebut iaitu Pengurus Akademi UNN, Regina Goh; Jurutera Kanan Perlindungan Alam Sekitar Hengyi Industries Sdn Bhd, Haji Sofi Hasni bin Haji Sharbini dan Pengurus Pemasaran di BYD | Denza, Maju Motors Sdn. Bhd., Jerrell Chan turut hadir untuk berucap pada Sidang Media bagi pihak syarikat masing-masing.

Turut hadir sebagai ahli panel dalam Sidang Media tersebut ialah Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley; Penganjur ISB BGIC, David Castillo Glantz serta Setiausaha Agung ISB BGIC, Amy Domorong, Jeff Louis dan Kaiser Calabazon bersama-sama dengan Setiausaha Agung ISB BGIC, Aaryan Hadzrin dan Amal Fadillah yang bertindak sebagai Pengacara Majlis.

Mengulas mengenai dengan tema ISB BGIC, SDG 7 : Tenaga Mampu Milik dan Bersih: Bagaimanakah kerjasama

antarabangsa dapat membantu mencapai SDG 7 dengan lebih berkesan? Dominic Morley berkata, di ISB mereka mempersiapkan para pelajar untuk kehidupan, bukan sekadar untuk peperiksaan. Persidangan yang dikendalikan pelajar ini memberi mereka tanggungjawab sebenar seperti merancang, berucap, dan berinteraksi dengan pelajar dari sekolah lain. Pengalaman ini membina keyakinan, berdikari dan kemahiran praktikal yang tidak dapat diperoleh sepenuhnya di dalam kelas.

"Walaupun pelajar ISB mendapat banyak manfaat, persidangan ini juga memainkan peranan penting dalam menyokong pelajar dari sekolah-sekolah Brunei. Ia memberi mereka platform untuk berkongsi idea, bekerjasama di luar komuniti sekolah sendiri, serta membina keyakinan, kemahiran komunikasi dan kepimpinan bersama rakan sebaya dari seluruh negara.

"Penghimpunan lebih 20 buah sekolah setiap tahun mencerminkan identiti kami sebagai sebuah sekolah: cemerlang dari segi akademik, inklusif dan berpandangan luas. Ia menunjukkan kepada para pelajar dan semua peserta bahawa idea mereka dihargai dan mereka mempunyai suara yang bermakna dalam perbincangan yang lebih luas," tambahnya.

Berikutan dengan Sidang Media

berkenaan, ISB BGIC Ke-21 akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas bermula esok hingga 13 April yang didahului dengan majlis pembukaan sebelum diikuti dengan sesi pembentangan ucapatama, perbincangan jawatankuasa dan perhimpunan agung.

Para delegasi telah berusaha dengan penuh tekun untuk menyelidik topik masing-masing dan menyiapkan ucapan bagi persidangan itu. Para delegasi akan berbahas dan memutuskan resolusi berkaitan dengan pendidikan berkualiti dengan topik-topik yang menangani halangan kepada pendidikan berkualiti, akses yang adil dan saksama kepada pendidikan, kesedaran alam sekitar dan amalan hijau serta pengintegrasian literasi digital ke dalam kurikulum sekolah.

ISB BGIC merupakan persidangan tahunan yang diterajui oleh pelajar yang berbentuk model Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana para peserta mewakili negara-negara untuk membentangkan pelbagai pandangan mengenai isu-isu semasa dunia sebenar.

Inisiatif itu bermatlamat untuk membangunkan kefahaman warga global para pelajar dan kemahiran kritikal dalam penyelidikan, pertuturan awam dan rundingan.



5 PAPAN TANDA RASMI PENGHULU MUKIM DIRASMIKAN



Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Dalam usaha memudahkan orang ramai khususnya penduduk kampung berurusan dalam hal-hal kemasyarakatan, kebajikan serta perkara berkaitan dengan penghulu dan ketua kampung, sebanyak lima papan tanda rasmi bagi penghulu-penghulu mukim telah dirasmikan petang tadi di kediaman masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Perasmian tersebut melibatkan lima penghulu mukim di Daerah Brunei dan Muara iaitu Penghulu Mukim Gadong 'B', Awang Rosliani bin Haji Umar; Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Haji Adnan bin A. Haji Bagol; Penghulu Mukim Berakas 'A', Awangku Amirnur Aminuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh; Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan; serta Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Majlis dimulakan di kediaman Penghulu Mukim Gadong 'B' sebelum diteruskan ke

lokasi-lokasi lain.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' serta Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Perasmian papan tanda tersebut bukan sahaja menandakan pengesahan pelantikan para penghulu mukim secara tetap, malah dilihat sebagai satu langkah dalam memperkukuh hubungan antara pemimpin akar umbi dan masyarakat, agar pemimpin sentiasa dekat dan responsif terhadap keperluan rakyat.



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan (kiri dan atas).

TAHUKAH AWDA?

APA ITU TENAGA SURIA?

- ☀️ Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- ☀️ Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn | renewable.energyaenergy.gov.bn | +673 2384488 ext 3271

Mesyuarat memperkasa keupayaan perkongsian data bencana peringkat ASEAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) menggalas amanah sebagai tuan rumah bagi bengkel dan mesyuarat berkenaan dalam menerajui agenda pengurusan maklumat bencana serantau.

Mesyuarat yang dikendalikan secara bersama oleh Pegawai Fokal AIM-NET NBD dan Kemboja itu menjadi platform penting yang menghimpunkan pengurus bencana, termasuk delegasi daripada Negara-

negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, Pusat AHA, selain penyertaan aktif rakan-rakan strategik ASEAN yang lain.

Dalam ucapan alu-aluannya, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN menekankan bahawa nilai sebenar maklumat bencana tidak hanya terletak pada ketersediaan data dan maklumat semata-mata.

Sebaliknya, jelas beliau, kekuatan sebenar adalah berpaksikan kepada keupayaan kolektif untuk memproses dan menterjemahkan maklumat

tersebut menjadi tindakan operasi yang jitu terutama dalam bertindak sebagai pemangkin utama dalam usaha menyelamatkan nyawa serta meminimumkan risiko bencana.

Menurut beliau, pengurusan maklumat bencana merupakan teras utama kepada keupayaan tersebut dan sejak penubuhan AIM-NET, ia telah berkembang sebagai antara komponen penting dalam memperkukuhkan daya tahan ASEAN.

Ini termasuk melalui peningkatan kerjasama dalam kalangan pengurusan maklumat, pemantapan pemahaman mengenai fungsi Pusat Operasi Kecemasan (Emergency Operations Centre - EOC) serta pembangunan



MAJLIS pembukaan bagi bengkel dan mesyuarat tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri dan atas tengah). Manakala gambar atas kanan, antara yang berucap pada majlis berkenaan.

piawai serantau bagi menyokong sistem interoperabiliti.

Seiring dengan perkembangan transformasi digital, beliau turut menegaskan keperluan untuk memastikan sistem maklumat di peringkat kebangsaan tidak beroperasi secara berasingan.

Selaras dengan pelaksanaan AADMER Work Programme 2026 - 2030, AIM-NET merupakan platform strategik dalam memperkukuhkan protokol perkongsian data serta memanfaatkan teknologi digital ke arah pengurusan bencana yang lebih cekap, berinformasi dan berdaya tahan.

Sepanjang program berlangsung, perbincangan

akan memfokuskan kepada pembentukan kerangka kerja jangka panjang melalui Pelan Kerja AIM-NET 2026-2030.

Sesi tersebut bertujuan mengenal pasti jurang dan keutamaan baharu dalam menghadapi kompleksiti krisis iklim dan bencana hari ini.

Dengan memetakan strategi yang lebih bersepadu, AIM-NET berhasrat memperkasakan lagi keupayaan teknikal dan operasi sebagai nadi pengurusan data di bawah kerangka keselamatan ASEAN.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah NDMC, Pemangku Pengarah Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Pengarah Eksekutif Pusat AHA, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD; serta wakil dari Sekretariat ASEAN.

Menyokong kesejahteraan, penyertaan aktif warga emas

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEKITAR sesi konsultasi komuniti mesra usia bersama agensi dan pihak berkepentingan lain dan Daerah Tutong yang berlangsung di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong (atas dan kanan).

TUTONG, Khamis, 9 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang mengalami fasa perubahan penduduk yang sangat ketara dan akan menjadi sebuah negara yang tua dalam masa 13 tahun sahaja lagi, dengan lebih daripada 14 peratus penduduk negara ini akan terdiri daripada warga emas.

Salah satu langkah dalam memastikan negara ini bersedia menghadapi isu penduduk berkenaan adalah dengan melaksanakan inisiatif komuniti mesra usia.

Inisiatif komuniti mesra usia merupakan salah satu tindakan berasaskan bukti dalam menyokong

penuaan sihat dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi semua peringkat umur terutamanya warga emas, agar boleh hidup dengan baik, berupaya untuk mengambil bahagian dalam kehidupan bermasyarakat dan mengakses perkhidmatan yang memenuhi keperluan inisiatif komuniti mesra usia merupakan salah satu pendekatan yang diperkenalkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan telah dilaksanakan di 57 buah negara dan 1,739 buah bandar atau pekandi seluruh dunia.

Sehubungan itu, Daerah Tutong telah diiktiraf oleh pihak WHO sebagai

sebuah daerah yang sesuai bagi melaksanakan inisiatif komuniti mesra usia dan dalam pada itu, Jabatan Daerah Tutong (JDT) juga telah menjadi Ahli WHO Global Network of Age Friendly Cities and Communities pada Mac 2026.

Daerah Tutong secara aktif telah komited untuk menjadi sebuah daerah yang lebih mesra warga emas dengan memperkukuh dasar, program dan perkhidmatan dalam menyokong kesejahteraan dan penyertaan aktif warga emas.

Bagi menjayakan inisiatif berkenaan, pihak Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) dan JDT dengan kerjasama WHO telah menjalankan sesi konsultasi komuniti mesra usia bersama agensi dan pihak berkepentingan lain dan Daerah Tutong yang berlangsung pagi tadi di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, sesi konsultasi berkenaan adalah bermanfaat sebagai platform untuk berkongsi pandangan, cadangan dan pengalaman.

Jelasnya lagi, usaha untuk menjadikan Daerah Tutong sebagai daerah mesra warga emas tidak boleh digalas oleh satu pihak sahaja, malah ia

memerlukan pendekatan Whole of Government dan Whole of Society, dengan semua pihak memainkan peranan masing-masing.

"Saya amat mengalu-alukan sumbangan idea daripada pihak agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, pemimpin masyarakat serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam memperkasa inisiatif ini.

"Fokus kita bukan sahaja kepada aspek fizikal seperti infrastruktur, tetapi juga kepada aspek sosial, kesihatan, penyertaan ekonomi, dan kesejahteraan mental warga emas," ujarnya.

Acara diteruskan dengan taklimat ringkas 'Age Friendly Communities' yang disampaikan oleh Pegawai Kesihatan Kanan, PPK, Dayang Siti Munawwarah binti Awang Tarif.

Objektif sesi konsultasi adalah untuk memahami dengan lebih lanjut inisiatif komuniti mesra usia di Daerah Tutong dan seterusnya mengenal pasti tindakan dan aktiviti yang bersesuaian bagi merangka pelan tindakan yang bersesuaian.

Inisiatif berkenaan selaras dengan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi warga emas yang akan datang dan komitmen kebangsaan yang lebih luas terhadap kualiti, maruah, dan



penuaan sihat untuk semua.

Sesi konsultasi berkenaan dihadiri oleh agensi kerajaan, sektor swasta, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, ahli warga emas dan pihak berkepentingan dari Daerah Tutong.

Dengan adanya sesi konsultasi komuniti mesra usia berkenaan, usaha dan cadangan daripada pelbagai pihak akan dapat disejajarkan dengan keutamaan negara mengenai penuaan sihat, rangkuman sosial dan daya tahan komuniti dalam membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk warga emas di Daerah Tutong khususnya dan NBD dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

HASRAT WARGA EMAS PELUK ISLAM TERKABUL



SESI bergambar ramai pada Majlis Pengislaman bagi Awang Muhammad Adam Chan (atas). Sementara gambar bawah, Awang Muhammad Adam Chan semasa melafazkan dua kalimah syahadah.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Hasrat yang sudah lama disimpan dan berminat mendalami agama Islam selama dua tahun, kini hidup seorang warga emas berbangsa Cina terkabul apabila melafazkan kalimah dua syahadah, malam

tadi. Lafaz pengakuan ikhlas "Saya mengaku bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu Rasul Allah", Chan Ho Huat, 72 tahun, kini dikenali sebagai Awang Muhammad Adam

Chan bin Abdullah. Terdorongnya Awang Muhammad Adam Chan memilih Islam sebagai pegangan agama baharunya berikutan anak perempuannya yang telah memeluk Islam sebelumnya dan juga di samping banyak bergaul bersama kawan-kawan Islam yang lain.

Majlis disempurnakan di hadapan para pegawai dan kakitangan Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan, di samping diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.


Statistik pengislaman di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila seramai 80 orang telah memeluk agama Islam di negara ini sejak awal tahun hingga 7 April 2026 dengan 35 orang daripadanya adalah dari Daerah Brunei dan Muara.





**AWASI KELAJUAN,
BERI PERHATIAN KEPADA JALAN RAYA.**


**WATCH YOUR SPEED,
WATCH THE ROAD.**



Road Safety Depends on #YouAndMe

**TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH
MENYELAMATKAN NYAWA,
GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.**

**SEAT BELTS CAN SAVE LIVES,
ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.**



Road Safety Depends on #YouAndMe

MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN KUKUH, POSITIF DENGAN WARGA BRUNEI LNG



SUASANA Majlis Hari Raya Aidilfitri dengan sambutan tahunan 'One BLNG and Community Raya 2026' yang berlangsung di Kelab Rekreasi Liang Lumut (atas dan kanan).

BELAIT, Khamis, 9 April. - Dalam memupuk semangat perpaduan dan hubungan budaya dalam kalangan komuniti, Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG) petang tadi meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan sambutan tahunan 'One BLNG and Community Raya 2026' yang berlangsung di Kelab Rekreasi Liang Lumut, di sini.

Hadir pada acara berkenaan ialah ketua-ketua bahagian dan kakitangan Brunei LNG, rakan niaga, komuniti Tutong dan Mukim

Lumut Liang, serta para pemimpin komuniti dan pihak berkepentingan.

Dengan tema tahun ini, 'Syukur Syawal Silaturahmi', mencerminkan komitmen Brunei LNG terhadap rasa syukur, pembaharuan dan pengukuhan hubungan dalam kalangan tenaga kerja serta komuniti yang lebih luas.

Sambutan One BLNG & Community Raya berkenaan juga menonjolkan tradisi berterusan dalam satu acara

serta menekankan semangat perpaduan yang menghimpunkan kakitangan Brunei LNG dan masyarakat untuk meraikan Hari Raya bersama-sama.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG, Niels Dijkman dalam ucapannya menekankan kepentingan kesyukuran, kerjasama dan kepercayaan.

Jelasnya lagi, syukur mengingatkan kita untuk berterima kasih atas apa yang kita miliki dan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Brunei LNG Sendirian Berhad



kepada mereka yang menjadikan Brunei LNG seperti hari ini.

"Syawal menandakan detik kegembiraan dan permulaan baharu. Dan Silaturahmi mencerminkan kekuatan hubungan kita, kepercayaan, rasa hormat dan ikatan yang menyatukan kita," ujarnya.

Sambutan berkenaan turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik, termasuk zon aktiviti kanak-kanak, *photowall* bertema perayaan, aktiviti pentas serta kuiz


raya dalam menyediakan pelbagai hiburan untuk semua peringkat umur.

Acara One BLNG & Community Raya berkenaan berfungsi untuk mengukuhkan lagi komitmen Brunei LNG dalam mempertingkatkan hubungan yang kukuh dan positif dengan kakitangan, pihak berkepentingan dan masyarakat, serta menegaskan komitmen berterusan organisasi terhadap tanggungjawab sosial.

Mangsa bencana terima bantuan kewangan



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh hadir dan seterusnya menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), telah

menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND3,250 kepada lima orang ketua keluarga pada majlis yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah

Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Daripada lima ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini, seramai empat ketua keluarga adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir dan seorang ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Kunjungan Muhibah perkukuhkan silaturahmi antara komuniti mualaf

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

PENKALAN BATU, Khamis, 9 April. - Kira-kira 60 orang dalam kalangan saudara-saudara baharu (mualaf) serta ahli keluarga yang bukan Islam telah menghadiri Kunjungan Muhibah yang diselenggarakan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pengembangan Dakwah (Da'wah Khas) pada malam tadi bertempat di kediaman mualaf milik Awang Arrafi bin Abdullah@Berapi bin Luwis di Kampung Bebuluh.

Majlis berkenaan diadakan bagi menyemarakkan syiar Islam sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri, yang diraikan sebagai hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan menunaikan ibadah puasa pada bulan Ramadan, di samping menjadi wadah untuk mengukuhkan hubungan silaturahmi antara komuniti mualaf Kampung Bebuluh, penduduk sekitarnya yang terdiri daripada masyarakat Islam, mualaf serta bukan Islam, bersama para pegawai dan kakitangan PDI.

Selain itu, untuk memperkenalkan keindahan dan nilai-nilai murni perayaan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Hadir selaku Ketua Rombongan ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup.

Turut hadir, Ketua Bahagian Pembangunan Mualaf, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Selain sesi ramah mesra, atur cara majlis turut diisi dengan penyampaian hamper dan sagu hati kepada saudara-saudara baharu serta masyarakat bukan Islam di kawasan berkenaan.



PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup hadir selaku Ketua Rombongan menghadiri Kunjungan Muhibah yang diselenggarakan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran PDI.

PENDUDUK DALAM KUMPULAN UMUR BEKERJA MENINGKAT PADA TAHUN 2025

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Laporan Awal Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2025 menunjukkan bahawa jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja (18 tahun dan ke atas) meningkat sebanyak 0.8 peratus, daripada 346,000 orang pada tahun 2024 kepada 348,700 orang pada tahun 2025.

Daripada jumlah ini, 66.5 peratus (232,000 orang) menyertai tenaga kerja, manakala 33.5 peratus (116,700 orang) berada di luar tenaga kerja.

Penduduk bekerja pada tahun 2025 adalah 220,400 orang, menurun sebanyak 0.9 peratus berbanding 222,300 orang pada

tahun 2024.

Pekerja tempatan terus menjadi penyumbang utama dengan 70.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja.

Manakala, kadar pengangguran meningkat daripada 4.7 peratus pada tahun 2024 kepada 5.0 peratus pada tahun 2025.

Penduduk di luar tenaga kerja meningkat kepada 116,700 orang berbanding 112,800 orang pada tahun 2024.

Kumpulan ini termasuk individu berumur 60 tahun dan ke atas, termasuk penerima Pencen Umur Tua yang turut menunjukkan trend peningkatan.

Dari segi pecahan jantina,

majoriti penduduk di luar tenaga kerja adalah perempuan sebanyak 59.1 peratus (69,000) berbanding lelaki 40.9 peratus (47,700 orang).


Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) merakamkan penghargaan kepada semua isi rumah yang telah terpilih atas kerjasama mereka sepanjang tempoh kajian.

Penyertaan mereka telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pandangan berharga mengenai profil tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam.

Laporan Awal KTK 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

LABOUR FORCE SURVEY 2025

Labour Force Framework, Brunei Darussalam, 2025
Aged 18 years and over



Notes: Data may not add up to the total due to the rounding

Source: Department of Economic Planning and Statistics (DEPS)

Pemantauan harga tingkatkan ketelusan, perkukuh keyakinan pengguna

peningkatan harga sedikit bagi cili menjelang akhir Februari hingga Mac, selaras dengan perubahan kos dan bekalan di negara pengeksport serta tekanan terhadap rantaian bekalan global.

Berdasarkan maklum balas pihak industri, kos logistik kini menunjukkan tanda-tanda peningkatan, namun kesannya terhadap harga dalam negara belum bersifat serta-merta.

Sekiranya trend ini berterusan, ia berpotensi menjejaskan beberapa input pertanian seperti baja yang berkait rapat dengan kos pengeluaran di negara pengeluar.

Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada input import, pihak industri turut meneroka penggunaan alternatif tempatan, termasuk kompos, bagi memperkukuh ketahanan sektor pertanian.

Walau bagaimanapun, impak kepada Negara Brunei Darussalam dijangka terkawal berbanding negara lain yang lebih terdedah kepada kenaikan kos tenaga.

Namun memerlukan pemantauan berterusan serta kesiapsiagaan, termasuk penerokaan sumber alternatif bagi memastikan kestabilan bekalan makanan negara.

JPES ingin menasihatkan para peniaga untuk terus mengamalkan perniagaan secara bertanggungjawab dan beretika.

Dalam berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global yang berpotensi mempengaruhi kos, sebarang penyaluran harga hendaklah dibuat secara munasabah, telus dan selaras dengan perubahan kos sebenar, serta tidak dilakukan secara berlebihan atau tidak seimbang.

JPES menggalakkan peniaga dan

pengguna untuk sama-sama memainkan peranan dalam mewujudkan pasaran yang telus, wajar dan bermaklumat.

Berikutan perkembangan ekonomi global yang tidak menentu, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran bahawa faktor luaran boleh memberi kesan kepada pasaran domestik, namun ia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengambil tindakan yang tidak seimbang atau tidak beretika.

Para peniaga juga dinasihatkan untuk mengamalkan perniagaan yang beretika serta memastikan paparan tanda harga yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan.

Sementara itu, pengguna

digalakkan untuk terus peka terhadap perkembangan semasa, memanfaatkan maklumat harga yang disediakan bagi membuat perbandingan harga serta keputusan pembelian secara berhemat dan bermaklumat.

JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna akan terus melaksanakan pemantauan harga secara mingguan serta memantau keadaan pasaran, khususnya bagi barangan keperluan asas, bagi memelihara kepentingan pengguna.

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

كيتاين فرانتجين ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ketahui harga barangan makanan asas

Memperkasa pengguna dengan ketelusan maklumat harga

Imbas bagi mendapatkan senarai harga terkini
<http://go.gov.bn/pricemonitoringlist>

Harga barangan makanan asas dipantau secara mingguan meliputi peniaga runcit terpilih

Sebarang isu, sila hubungi...

TD123 8333123

www.deps.mofe.gov.bn | dca@jpes.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global serta peningkatan perbelanjaan sempena musim perayaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi terus memperkukuh inisiatif pemantauan harga bagi menggalakkan pengguna membuat keputusan pembelian yang bermaklumat, di samping mempromosi amalan pasaran yang wajar dan telus.

Inisiatif pemantauan harga mingguan ke atas beberapa komoditi makanan terpilih merupakan usaha berterusan untuk meningkatkan ketelusan harga dan memperkukuh keyakinan pengguna terhadap pasaran.

Inisiatif ini juga bertujuan untuk menggalakkan persaingan sihat

dalam kalangan peniaga, seterusnya menyumbang kepada harga yang lebih kompetitif di pasaran.

Komoditi makanan yang dipantau termasuk ayam bulat, telur (Gred B), bawang merah, bawang putih, halia, cili dan isi daging.

Senarai harga runcit bagi komoditi makanan terpilih boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi JPES di <https://go.gov.bn/pricemonitoringlist>.

Pemantauan harga meliputi pasar raya dan premis perniagaan runcit terpilih di seluruh negara memberikan gambaran menyeluruh mengenai pergerakan harga.

Secara amnya, trend harga bagi komoditi makanan terpilih adalah stabil pada awal tahun 2026 dengan turun naik yang sederhana.

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan stok ayam serta

جايون كاجي چولاجا بروني دارالسلام

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Maryam, ayat 96 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengajarkan amalan-amalan soleh, Tuhan yang Maha Pemurah akan menanamkan dalam hati mereka perasaan kasih sayang. (Mereka dikasihi oleh orang lain dan diredai oleh Allah)".

Sesungguhnya Islam adalah agama yang dibina atas asas rahmat, kasih sayang, belas ihsan dan keprihatinan sesama manusia. Orang yang benar-benar beriman bukan sahaja baik hubungannya dengan Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan terpancar daripada dirinya akhlak yang mulia, jiwa yang lembut, hati yang peduli dan tangan yang ringan untuk menolong mereka yang memerlukan. Justeru itu, umat Islam dianjurkan untuk sentiasa menunjukkan kasih sayang terhadap semua lapisan masyarakat khususnya

Menjadi sinar buat anak yatim

kepada golongan yang diuji dengan kesusahan, kekurangan dan kehilangan seperti fakir miskin, Orang Kelainan Upaya dan lebih-lebih lagi anak-anak yatim yang amat memerlukan perhatian dan belaian kasih sayang.

Bayangkan seorang anak kecil yang baru mengenal dunia, namun telah kehilangan pelindung utamanya. Mereka membesar tanpa kasih sayang seorang ayah, tanpa tangan seorang ayah untuk memimpin langkah dan tanpa bahu seorang ayah untuk bersandar dan berpaut. Di saat kanak-kanak lain bergelak ketawa bersama ayah masing-masing, mereka hanya mampu memandang dari jauh dan memendam rindu yang tidak terucap.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah merasai peritnya kehilangan insan bergelar ayah. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam membesar dalam jagaan keluarga terdekat dengan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Melalui sirah kehidupan Baginda, kita belajar erti kasih sayang, empati dan tanggungjawab terhadap insan yang tidak lagi mempunyai tempat bergantung khususnya anak-anak yatim yang diuji dengan kehilangan insan tersayang sejak awal kehidupan mereka.

Dalam agama Islam, kita dianjurkan untuk sentiasa mengasahi dan menjaga anak-anak yatim dengan ihsan. Sesungguhnya kasih sayang terhadap mereka bukan sekadar amalan mulia, malah ia adalah satu tuntutan agama yang disebut secara jelas dalam Al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 :

Tafsirnya : "Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin".

Sesungguhnya menyantuni anak yatim bukanlah satu beban, sebaliknya ia adalah satu peluang, peluang untuk menjadi tangan yang menyapu air mata mereka, peluang untuk menjadi bahu tempat mereka bersandar dan peluang untuk menjadi insan yang mengembalikan semula senyuman di wajah mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri telah menyampaikan dalam hadis Baginda tentang kedudukan yang mulia di syurga bagi sesiapa yang menjaga anak yatim. Daripada Abu

Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (periwayat hadis) mengisyratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Lihatlah, betapa besar ganjaran yang dijanjikan. Dekatnya dan bersamanya penjaga anak yatim dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam syurga sebagaimana maksud hadis itu tadi bukanlah kedudukan yang kecil. Ia menunjukkan bahawa menjaga anak yatim itu adalah amalan yang sangat mulia, sangat dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sangat dekat dengan akhlak kenabian.

Perlu diketahui, bahawa menyantuni anak-anak yatim tidak bererti kita perlu menjadi penjaga mereka atau mengambil mereka sebagai anak angkat. Kita masih boleh membawa harapan dan kebahagiaan dalam hidup mereka melalui pelbagai cara, antaranya :

Pertama : Menyumbang kepada rumah kebajikan atau dana anak yatim.

Kedua : Menaja pendidikan mereka.

Ketiga : Menziarahi dan menggembirakan mereka.

Keempat : Menyediakan keperluan asas seperti pakaian, makan minum dan seumpamanya.

Kelima : Menjadi tempat bertanya dan bimbingan apabila mereka memerlukan.

Oleh yang demikian, sentiasa bentuk perhatian dan kebaikan yang kita huluskan kepada anak-anak yatim walaupun kecil namun ia tetap besar nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Apa yang paling utama ialah keikhlasan hati kita dalam menyantuni mereka.

Sesungguhnya anak-anak yatim mungkin telah kehilangan seorang insan bergelar ayah tetapi kehadiran kita sebagai masyarakat yang berjiwa rahmah mampu menjadi cahaya yang menyinari dan mewarnai kehidupan mereka dengan kasih sayang. Dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, setiap langkah kita dalam membantu dan menyantuni mereka boleh menjadi asbab Allah

Subhanahu Wata'ala membuka pintu syurga buat kita semua.

Alhamdulillah, pelbagai pihak di negara kita sama ada pihak kerajaan, swasta dan individu persendirian terus bergiat aktif membantu anak-anak yatim. Ini termasuklah bantuan melalui SMS Brunei Prihatin Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim. Projek tahunan ini telah dibuka dari 27 November 2025 yang lalu hingga 27 Ogos 2026 dan ia bertujuan untuk memudahkan orang ramai menyumbang melalui SMS bagi menyokong asuhan, bimbingan dan pendidikan anak-anak yatim agar mereka membesar sebagai warganegara yang berguna.

Kita mungkin tidak mampu mengubah masa lalu anak-anak yatim tetapi kita masih diberi peluang oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mencorakkan masa depan mereka dengan kasih sayang dan harapan. Maka marilah kita menanam azam untuk terus menjadi insan yang membawa cahaya kepada kehidupan anak-anak yatim. Janganlah mereka dibiarkan berasa keseorangan dalam menempuh perjalanan hidup. Huluskanlah bantuan, dampingilah mereka, didiklah mereka dan belah hak mereka. Semoga setiap bantuan dan sokongan yang kita huluskan menjadi cahaya yang menerangi langkah mereka di dunia dan menjadi cahaya yang memandu kita menuju akhirat dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "(Mengenai urusan-urusan kamu) di dunia dan di akhirat. Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai anak-anak yatim. Katakanlah (kepada mereka) : Memperbaiki keadaan mereka amatlah baik. Dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (tidak ada salahnya) kerana mereka ialah saudara-saudara kamu (yang seagama). Dan Allah mengetahui orang yang membuat kerosakan (pada harta benda mereka daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Dia memberatkan kamu (dengan melarang kamu bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (Surah Al-Baqarah, ayat 220)

Penandatanganan cerminkan kerjasama, komitmen



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. – Majlis Menandatangani Rasmi Ekosistem Digital VECONAC antara Communication 21 Media Group dan VECONACDE AI Services yang disaksikan oleh Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) telah diadakan pagi tadi di Flat Anggerek Desa, Berakas, di sini.

Dengan termeterainya perjanjian Pakatan Strategik tersebut, mencerminkan kerjasama dan komitmen kedua belah pihak dalam membangunkan

sebuah Ekosistem Digital yang kukuh bagi Pusat Perniagaan VECONAC serta komuniti veteran ASEAN secara lebih meluas.

Terdahulu, Pengarah Pusat Perniagaan VECONAC, Kapten Zailan (B) bin Pehin Datu Kerma Setia Mejar Dato Seri Laila Jasa Mohmmad Don dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, sebagai cabang perniagaan PERWIRA, Pusat Perniagaan VECONAC (VBC) VARBAF ditubuhkan dengan satu mandat yang jelas dan teguh untuk memperkasa para veteran.



MAJLIS Menandatangani Rasmi Ekosistem Digital VECONAC antara Communication 21 Media Group dan VECONACDE AI Services yang disaksikan oleh Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) (atas dan kiri).

Persaraan katanya, dilihat sebagai penghujung perjalanan, namun, kita melihatnya sebagai satu permulaan baharu dan peluang untuk beralih daripada peranan sebagai penjaga sempadan negara kepada pembina ekonomi.

Beliau seterusnya menjelaskan, visi kita adalah untuk membina sebuah ekosistem yang mampan sendiri, di mana kebebasan kewangan bukan sekadar impian, tetapi menjadi satu standard bagi

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

setiap lelaki dan wanita yang telah berkhidmat di bawah panji negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Presiden PERWIRA, Leftenan Kolonel Ramli (B) bin Haji Abd. Hadis.

Menandatangani bagi pihak Communication 21 Media Group Sdn. Bhd. (Malaysia) ialah Wilson Tay, manakala bagi pihak VECONACDE AI Services

(Brunei), diwakili oleh Roberto (T.Y.) Koh.

Pada majlis itu, tetamu kehormat sebagai saksi perjanjian berkenaan.

Juga hadir, Ahli Lembaga Eksekutif; Ahli-ahli Persatuan Veteran dan pegawai dan kakitangan Communication 21 Media Group dan VECONACDE AI Services.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



MENJADI SINAR BUAT ANAK YATIM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 21 Syawal 1447H / 10 April 2026M

MENYANTUNI ANAK-ANAK YATIM MELALUI PELBAGAI CARA,
ANTARANYA:

PERTAMA

Menyumbang kepada
rumah kebajikan atau
dana anak yatim



KEDUA

Menaja pendidikan
mereka



KETIGA

Menziarahi dan
menggembirakan
mereka



KEEMPAT

Menyediakan keperluan
asas seperti pakaian,
makanan dan
seumpamanya



KELIMA

Menjadi tempat bertanya
dan bimbingan apabila
mereka memerlukan



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

أَللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SAB / 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Belait.

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUP / 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pelambayan, Kawasan Brunei I

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H-1447H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Rabu,
11 Zulkaedah 1447H /
29 April 2026M


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Pemohon-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut;-

Jawatan:
Pegawai Kewangan Kanan

Tangga Gaji:
B.3 (BND3,880- BND4,240)

Kekosongan:
1 Jawatan

Tarikh Tutup:
23 April 2026



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / LTK / PPPB / SUL / 2025 - 2026

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Lamunin, Tutong I

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1447H-1448H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Selasa,
10 Zulkaedah 1447H /
28 April 2026M


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
NAU / LB / TA / 1002

Pembelian Meja Dan Kerusi Bagi Mes-Mes Pegawai Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu

**Selasa,
14 April 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
21 April 2026
2.00 Petang



1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
STAHB / 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah.

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPHM / 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kawasan Brunei I

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPMAA / 2026 - 2027

Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa, Kawasan Brunei IIB

4. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SULJB / 2026 - 2027


**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.02 /
ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Peralatan Projek EPG PR Migration Contingency System Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
25 April 2026 – Sabtu
(9.00 Pagi)



Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil, Kawasan Brunei IIA

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H-1447H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup:

Rabu, 4 Zulkaedah 1447H /
22 April 2026M



Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 76

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Brunei Tourism Merchandise For Visit Brunei Year 2027

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
16 April 2026
Jam 2.00 Petang


**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUU /
CONTRACT / 2026 / 4 / 1
Provision Of Security Guard Services For Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 109 / 2025

Tajuk Tawaran:
Request For Quotation -
Provision Of
Emergency Backup
Power Supply At
Belingus Power Station
And Other Potential Alternate
DES Sites On A
Turnkey Basis For
A Period Of Two (2) Years

Tarikh Tutup:
19 Mei 2026
Selasa (2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND 5,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB 3913.
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di
Dalam Kelas V Atau VI

Kategori:
E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.





**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung
Tingkat I PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung
Tingkat II PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung
Tingkat III PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Temburong

**Kampung Belingos,
Mukim Bangar**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong khususnya Kampung Belingos, Pekan Bangar, Kampung Bang Bulan, Kampung Lagau dan Kampung Piungan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar.

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 20 Zulhijah 1447 bersamaan 6 Jun 2026, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
B01
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 14 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 April 2026
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 05 / CQS /
2026-T / II

Nama Projek:
Membina
Kem Pengkalan
Di Sempadan
Brunei Darussalam – Concrete
Roadworks

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
14 April 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
28 April 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 050 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Untuk Membaiki Kebocoran Paip
Komunikasi Dan Agihan Di
Daerah Temburong Bagi Tempoh
36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
28 April 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Mei 2026
(Selasa)

Tidak Lewat Dari

Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam
Saliran Di Jalan
Bunga Simpurn (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/
002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (Keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengiraan Marka Kelulusan / Pengiraan Kelulusan (PKPK) yang berkenaan)
6. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Sumber / pendidikan / Pengalaman Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelulusan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSCR.BN query@spa.gov.bn

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBANTU PERTANIAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA	01	7(A)	20 APRIL 2026
2. IMAM TINGKAT IV JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN D.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/01/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	20 APRIL 2026
3. KETUA ATENDAN DEWAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	20 APRIL 2026

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH**

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



GENERASI MUDA MERUPAKAN PEWARIS BUDAYA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Golongan muda diseru untuk mengekalkan pembuatan kuih-muih dan masakan tradisional supaya warisan berkenaan tidak hilang dan pupus ditelan zaman.

Justeru itu, peranan golongan muda adalah sangat penting kerana mereka merupakan pewaris budaya yang akan meneruskan warisan berkenaan secara turun-temurun.

Bahkan, golongan muda hendaklah mempelajari, menguasai dan mewarisi tradisi berkenaan daripada ibu bapa atau datuk atau nenek kita tentang cara-cara pembuatan kuih-muih dan masakan tradisional supaya ilmu berkenaan dapat diwarisi dan tidak hilang begitu sahaja.

Perkara berkenaan disarankan oleh salah seorang pembuat kuih tradisi, Dayang Siti Nur Damia Aina

binti Erman semasa ditemu bual Pelita Brunei mengenai peranan generasi muda dalam mengekalkan tradisi pembuatan kuih-muih atau makanan klasik, baru-baru ini.

Menurut beliau, untuk mengekalkan resipi kuih-muih tradisional berkenaan, kita bukan sahaja mempelajari teknik teori malahan, perlu juga mempraktikkan memasak masakan di rumah sama ada untuk dihidangkan semasa acara keluarga dan seumpamanya.

Selain itu, beliau menyatakan resipi kuih-muih dan masakan berkenaan dikongsikan melalui platform media sosial seperti TikTok, Facebook, Instagram dan YouTube untuk menarik perhatian minat generasi lain untuk mencuba membuat kuih-muih dan masakan tradisional.

DAYANG Siti Nur Damia Aina binti Erman, salah seorang pembuat kuih tradisi (kiri).

"Saya bermula mempelajari membuat kuih-muih dan biskut tradisional sejak saya berumur 11 tahun melalui ibu saya yang sudah berpengalaman membuat kuih-muih dan biskut. Ia juga warisan turun temurun yang sudah bermula dari zaman datuk nenek saya dari tahun 1970-an dan kini diwarisi oleh ibu bapa saya.

"Kuih-muih Melayu tradisional yang selalu kami buat seperti bingka dan kuih talam seperti bingka susu, keladi, ubi kayu, durian, bingka kacang, talam lemak manis pandan, lapis kacang, talam keladi, seri muka, selain biskut-biskut seperti kuih mor, biskut sagu, kacang, cerelac serta kek mata kucing, kek lumut, kek batik dan sebagainya," ujarnya lagi.

Dayang Siti Nur Damia Aina seterusnya menambah kebiasaannya kuih-muih, biskut dan kek berkenaan akan mendapat tempahan yang banyak lebih-lebih lagi ketika musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri.

Oleh itu, beliau berharap agar tradisi pembuatan kuih-muih dan biskut berkenaan akan kekal dan berkembang selamanya serta diwarisi oleh generasi anak-anak muda belia penerusnya.

ANTARA kuih-muih tradisi yang dihasilkan oleh Dayang Siti Nur Damia Aina (kanan dan atas kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Hargai setiap individu tanpa pengecualian

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Setiap 2 April, Negara Brunei Darussalam (NBD) memperingati Hari Kesedaran Autisme Sedunia sebagai platform meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap autisme.

Tema tahun ini, 'Autisme dan Kemanusiaan - Setiap Nyawa Mempunyai Nilai', mengingatkan bahawa kemajuan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal dan ekonomi, tetapi juga melalui sejauh mana kita menghargai golongan yang memerlukan sokongan.

Seperti yang ditegaskan dalam perutusan Menteri Kesihatan pada 2 April yang lalu, "Autisme dan kemanusiaan adalah saling berkait. Untuk menjadi sebuah masyarakat yang benar-benar maju dan berperikemanusiaan, kita hendaklah menerima dan menghargai setiap individu tanpa pengecualian".

Memahami individu autistik memerlukan kesedaran bahawa autisme adalah spektrum yang luas, setiap individu mempunyai keunikan, kebolehan dan keperluan yang berbeza.

Justeru, pendekatan yang berfokus kepada kekuatan masing-masing adalah lebih bermakna.

Sokongan berterusan tidak seharusnya datang hanya daripada kerajaan, masyarakat umum memainkan peranan penting melalui langkah kecil seperti bersabar, mendengar dan

menyediakan persekitaran yang mesra serta selamat.

Institusi pendidikan digalakkan mewujudkan pembelajaran inklusif, manakala majikan pula

diseru membuka peluang pekerjaan yang adil.

Ibu bapa dan penjaga adalah tulang belakang kepada perkembangan anak autistik, walaupun perjalanan ini mencabar, kasih sayang dan komitmen mereka adalah asas

utama yang membantu anak

mencapai potensi sepenuhnya.

Sokongan daripada masyarakat

sekitar amat penting agar keluarga ini tidak merasa terpinggir.

Dengan memahami dan

memberikan sokongan berterusan, kita bukan sahaja

membantu individu autistik

menjalani kehidupan yang bermaruah, malah turut

memupuk nilai kemanusiaan sejati, kerana setiap nyawa benar-benar mempunyai nilai, dan menghargainya adalah tanggungjawab kita bersama.



14 LELAKI TEMPATAN DITAHAN DALAM KES KECURIAN KABEL

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 April. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memaklumkan bahawa sejak Januari hingga April tahun ini, seramai 14 lelaki tempatan telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam beberapa kes kecurian kabel di pelbagai lokasi di seluruh negara.

kegiatan tersebut dilakukan oleh beberapa kumpulan yang berasingan.

Tangkapan berjaya dilaksanakan melalui operasi bersepadu antara Daerah-daerah Polis bersama agensi penguat kuasa lain serta kerjasama pihak keselamatan syarikat yang terlibat.

Antara tangkapan yang telah

dilakukan adalah tiga suspek berumur antara 26 hingga 56 tahun telah ditahan berikutan kes kecurian kabel milik Jabatan Perkhidmatan Elektrik di kawasan Bukit Saeh, Kampung Lumapas.

Dua daripadanya telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman penjara selama 10 bulan dan enam bulan pada 26 Mac 2026, manakala seorang lagi masih menunggu tarikh perbicaraan.

Di Daerah Tutong, tiga suspek berumur 38, 40 dan 50 telah ditahan pada 19 Mac 2026 kerana disyaki terlibat dalam kes kecurian kabel di kawasan Kampung Pad Nunok.

Sementara itu, dua suspek, seorang bapa berumur 36 tahun bersama anaknya yang berumur 14 tahun, telah ditahan oleh Daerah Polis Temburong pada 3 Mac 2026 berhubung kes kecurian kabel elektrik di kawasan sebuah syarikat cucian batu di Kampung Selangan.

Di Daerah Belait pula, tiga lelaki tempatan berumur antara 21 dan 39 tahun telah ditahan pada 4 dan 7 April 2026 kerana disyaki terlibat dalam beberapa kes kerosakan kabel fiber optik milik UNN di kawasan Labi.

Seterusnya pada 6 April 2026, Daerah Polis Brunei-Muara telah menahan tiga lelaki tempatan berumur 16, 23 dan 34 tahun berhubung beberapa kes kecurian kabel elektrik di kawasan Kampung



SALAH seorang suspek semasa menunjukkan salah satu tempat aktiviti jenayah curi kabel (atas). Manakala gambar kiri, kejadian curi kabel yang dilakukan di beberapa tempat berasingan.



Lumapas, Kampung Mentiri dan Kampung Beribi.

Kegiatan-kegiatan jenayah ini melibatkan kerosakan terhadap infrastruktur awam, termasuk kemudahan utiliti milik kerajaan dan syarikat telekomunikasi, yang mengakibatkan gangguan perkhidmatan kepada orang ramai.

Jumlah kerugian keseluruhan dianggarkan melebihi BND300,000.

Sehubungan itu, PPDB mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan segera melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak

berkuasa melalui Talian Kecemasan 993.

Syarikat-syarikat kitar semula juga diseru untuk memberi kerjasama dengan melaporkan sebarang penerimaan bahan logam yang meragukan sumbernya.

Pihak polis turut menegaskan bahawa mana-mana individu yang didapati terlibat dalam kecurian serta perbuatan khianat yang menjejaskan infrastruktur awam boleh dikenakan tindakan tegas di bawah peruntukan undang-undang sedia ada, termasuk hukuman penjara dan sebatan jika sabit kesalahan.

Kelestarian ekosistem hutan penting untuk kehidupan manusia, haiwan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Kemakmuran sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada keupayaan ekonomi semata-mata tetapi turut berkait rapat dengan kestabilan alam sekitar.

Kelestarian hutan memainkan peranan penting sebagai asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

Hutan yang terpelihara menyediakan sumber semula jadi seperti kayu, getah dan hasil hutan

yang lain, selain menyumbang kepada keseimbangan ekosistem yang kritikal bagi kehidupan manusia dan haiwan.

Aktiviti ekonomi yang mengabaikan kelestarian alam sekitar berisiko menjejaskan sumber daya semula jadi.

Penebangan hutan secara tidak terkawal boleh mengakibatkan hakisan tanah, banjir serta kehilangan habitat hidupan liar.

Ia juga memberi kesan kepada sektor pertanian, perikanan dan pelancongan yang bergantung kepada keseimbangan alam.

Oleh itu, menjaga hutan secara

mampan merupakan strategi penting bagi menjamin kestabilan ekonomi secara jangka panjang.

Selain itu, hutan memainkan peranan penting dalam penyerapan karbon serta membantu menangani perubahan iklim.

Negara - negara yang mengekalkan kawasan hutan yang luas dapat mengurangkan risiko bencana alam yang boleh menjejaskan infrastruktur, produktiviti dan kos perbelanjaan awam.

Dari segi ekonomi pula, pelaburan dalam pemuliharaan hutan dan projek penanaman semula pohon dapat menjana peluang pekerjaan dalam sektor hijau, merangsang inovasi teknologi mesra alam dan menarik pelaburan asing yang prihatin terhadap kelestarian.

Pengurusan hutan yang baik memerlukan perancangan strategik yang melibatkan pemantauan, pemeliharaan dan pendidikan masyarakat.

Dengan inisiatif tersebut hutan tidak sekadar menjadi sumber ekonomi semasa, sebaliknya menjadi aset strategik untuk generasi akan datang.

Kestabilan alam sekitar yang terjamin akan mewujudkan asas kukuh bagi pembangunan ekonomi berterusan, di samping

memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, kelestarian hutan bukan sahaja tanggungjawab alam sekitar tetapi juga menjadi landasan kepada kemakmuran ekonomi yang

berpanjangan.

Kesedaran terhadap kepentingan berkenaan harus diterapkan dalam setiap dasar pembangunan negara agar pertumbuhan ekonomi selaras dengan kelestarian alam.



Bantu kesan pesalah buruh

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Rabu, 8 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja buruh yang dilaporkan lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Muara untuk mengesan seorang perempuan warganegara Indonesia iaitu Sulis Setiawati berusia 23 tahun dengan nombor pasport E9678259.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai perempuan berkenaan boleh



SULIS Setiawati berusia 23 tahun dengan nombor pasport E9678259.

menghubungi Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

PENGURUSAN hutan memainkan peranan penting sebagai asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan (kanan dan atas kanan).

MEMPELAJARI TAJWID SEMPURNAKAN BACAAN AL-QURAN



ANTARA yang hadir pada Sambutan Hari Raya bagi Kelas Tajwid Al-Quran Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD) terletak di Kampung Manggis / Madang.

MANGGIS / MADANG, Rabu, 8 April. - Sambutan Hari Raya bagi Kelas Tajwid Al-Quran Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak

Damit (MSSBRPAD) terletak di Kampung Manggis / Madang menyerlahkan lagi kekukuhan ukhuwah dan silaturahmi semua

peserta.

"Kita perlu terus istiqamah membaca Al Quran di samping mempelajari tajwid agar

Berita dan Foto : Ihsan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit

pembacaan kita sempurna. Usaha yang telah ditampilkan semua peserta sangat membanggakan dan telah nampak perkembangan dari sudut pembacaan dan pemahaman hukum-hukum tajwidnya," jelas Awang Md. Suhnoromardi bin Haji Suhaimi, Guru Pembimbing Kelas Tajwid Al-Quran MSSBRPAD pada sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi kelas berkenaan.

Beliau melahirkan rasa gembira dengan ketekunan setiap pelajar yang menimba ilmu dengan menekankan kepentingan membaca Al-Quran dengan tajwid yang betul dan sempurna.

Pembimbing kelas itu juga menzahirkan rasa syukur atas kesempatan untuk berkumpul dalam suasana penuh keberkatan dan menekankan sambutan berkenaan akan memperkukuh

hubungan sesama peserta serta meningkatkan semangat untuk terus mendalami ilmu Al-Quran.

Sementara itu, Ketua Pelajar Kelas Tajwid Al Quran, Awang Haji Ibrahim bin Haji Idi berharap sambutan berkenaan sudah tentu menjadi platform bagi mengeratkan silaturahmi di samping menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan peserta.

"Alhamdulillah, sambutan Hari Raya ini menjadi satu wadah untuk kita mempereratkan ukhuwah dan memperbaharui azam dalam mempelajari serta mengamalkan Al-Quran dalam kehidupan seharian," ujarnya.

Kelas Tajwid Al-Quran MSSBRPAD yang disertai oleh hampir 30 pelajar dewasa mengikuti kelas setiap hari Rabu dan Khamis di masjid berkenaan.

Nikmati hidangan raya secara bersederhana



KEMERIAHAN Hari Raya tidak semestinya disertai dengan pengambilan makanan secara berlebihan (atas dan bawah).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Rabu, 8 April. - Setiap kali tibanya Hari Raya Aidilfitri, kemeriahannya bukan sahaja dirasakan dengan kehadiran ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai, malah turut diserikan dengan pelbagai juadah yang menyelerakan khas untuk para tetamu.

Hidangan seperti lemang, soto, rendang dan pelbagai jenis kuih-muih menjadi antara sajian

utama di kebanyakan rumah terbuka.

Namun di sebalik kemeriahan ini, timbul persoalan bagaimana seseorang dapat menyeimbangkan pemakanan semasa menghadiri pelbagai rumah terbuka.

Adakah wajar untuk menikmati makanan sepuas-puasnya memandangkan ia adalah perayaan yang hanya disambut sekali setahun, atau lebih baik

mengamalkan sikap bersederhana?

Bagi sesetengah individu, Hari Raya dianggap sebagai waktu terbaik untuk menikmati pelbagai juadah tanpa terlalu memikirkan batasan pemakanan. Bagi mereka, setelah sebulan berpuasa, inilah peluang untuk meraikan dengan lebih bebas.

Dalam pada itu, terdapat juga yang mengambil pendekatan seimbang untuk menikmati pelbagai hidangan secara sederhana dengan mengambil sedikit sahaja setiap juadah.

Cara ini dilihat lebih praktikal, terutama bagi mereka yang mengunjungi banyak jemputan rumah terbuka dalam satu hari.

Bagi Awang Ibtisam Walid Samsudin dari Kampung Jerudong, beliau memilih pendekatan untuk mengambil makanan dalam jumlah sedikit tetapi pelbagai agar dapat menikmati keenakan juadah tanpa berlebihan.

"Menjamah sedikit semacam, untuk merasa saja," tambahnya.

Begitu juga dengan Dayang Halinda Haji Rejee dari Tutong yang mana memilih untuk makan secara sederhana semasa Hari Raya untuk menikmati hidangan.

"Saya ambil sedikit setiap hidangan, kurangkan makanan manis dan berlemak, minum lebih air kosong, dan berhenti sebelum terlalu kenyang. Prinsipnya, makan berpada-pada supaya kekal sihat," ujarnya.

Oleh itu, kita disaran agar bijak memilih makanan dan sentiasa mengamalkan pemakanan yang sihat ketika menyambut Hari Raya.

Pengambilan makanan yang tidak terkawal boleh menyebabkan peningkatan berat badan secara mendadak yang mengakibatkan risiko kepada penyakit kronik.

Secara kesimpulannya, kemeriahan Hari Raya tidak semestinya disertai dengan pengambilan makanan secara berlebihan. Dengan mengamalkan sikap sederhana dan kesedaran terhadap kesihatan, masyarakat masih dapat menikmati pelbagai juadah sambil mengekalkan gaya hidup sihat.



Mewujudkan kerjasama dalam penggunaan baja cecair buatan tempatan



MELALUI kolaborasi berkenaan, kedua-dua pihak berharap bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi, malah membuka peluang untuk perkembangan strategik dalam industri pertanian negara yang lebih moden, berdaya tahan dan mampan.

Siaran Akhbar dan Foto : Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Syarikat Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd. (Agrodynamics) bersama Syarikat Kerjasama Kenderaan & Pengangkutan Mukim Pengkalan Batu dengan Tanggungan Berhad hari ini telah menandatangani satu perjanjian kolaborasi strategik dalam usaha memperkukuh penghasilan padi tempatan.

Kolaborasi berkenaan bertujuan untuk mewujudkan kerjasama dalam penggunaan baja cecair buatan tempatan, DynamicsGrow, sebagai salah satu pendekatan inovatif bagi meningkatkan hasil penanaman padi serta menilai keberkesanan produk berkenaan secara praktikal di lapangan.

Selain itu, kerjasama berkenaan turut merangkumi perkongsian ilmu dan kepakaran dalam pengurusan tapak sawah padi, termasuk amalam terbaik dalam penyediaan tanah, teknik pembajaan berjadual, kadar banchuan baja yang sesuai, serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan hasil yang lebih konsisten dan berkualiti tinggi.

Pihak Syarikat Kerjasama Kenderaan & Pengangkutan Mukim Pengkalan Batu dengan Tanggungan Berhad menyatakan harapan untuk mencapai hasil tuaian padi yang setanding dengan pencapaian Agrodynamics, memandangkan kedua-dua tapak projek terletak di kawasan yang sama, iaitu di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limau Manis 1/Junjungan.

Majlis penandatanganan telah diwakili oleh Pengurus Am Agrodynamics, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya; dan disaksikan oleh Dayang Siti Rusdinah binti Haji Ruslan.

Manakala dari pihak Syarikat Kerjasama Kenderaan & Pengangkutan Mukim Pengkalan Batu dengan Tanggungan Berhad, perjanjian berkenaan telah ditandatangani oleh Pengerusi syarikat berkenaan, Awang Haji Bunal bin Tuah; dan disaksikan oleh Awang Haji Ali bin Haji Mohd Yusof.

Melalui kolaborasi berkenaan, kedua-dua pihak berharap bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi, malah membuka peluang untuk perkembangan strategik dalam industri pertanian negara yang lebih moden, berdaya tahan dan mampan.

PASTIKAN PATUHI PERATURAN KESELAMATAN, KESIHATAN, ALAM SEKITAR

Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Pada 1 April yang lalu, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan selepas pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan di Lugu.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan

pelanggaran Peraturan 4, Penyediaan Peti Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Denda kompaun sebanyak BND500 telah dikeluarkan dan kini telah diselesaikan sepenuhnya.

Akibat daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang

bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA berdedikasi untuk mempertahankan pematuan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar dengan serius dan akan terus menjalankan pemeriksaan serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya mengikut undang-undang untuk melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun



UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30) (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 April. - Hasil pemantauan dan pemeriksaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Syarikat MS Abdur Rahman Sdn. Bhd. telah melakukan kesalahan di Kompleks Sri Aman Tutong dan didenda di bawah Bab 12 (1) (d) sebanyak BND2,000.

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan

memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) seperti gambar yang dipaparkan.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka Syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya

boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BN10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

PUISI

Raya Di Hati

Di pagi raya, angin nyaman menyapa,
Bau daging rendang sama ayam kari terasa,
Takbir raya bergema di seluruh desa,
Hati sayu, terkenang semua.

Baju baru warna-warni,
Anak damit ketawa sambil berlari,
Semua bersalam-salaman, minta ampun diri,
Air mata pun jatuh diam-diam ke pipi.

Babu di dapur sibuk menghidang,
Bapa tersenyum, tenang pandangan,
Sanak saudara datang berkunjung,
Rumah sederhana jadi penuh kenangan.

Walau jauh orang tersayang,
Di hati tetap ada ruang,
Raya ani bukan sekadar senang,
Tapi tentang kasih yang *inda* hilang.

Selamat Hari Raya, ku ucapkan,
Maaf zahir batin ku hulurkan,
Kalau ada salah yang ku lakukan,
Harap dimaafkan dengan keikhlasan.

Pena Merah

Raya Tanpa Mu

Takbir bergema memecah sunyi,
Namun hati ku tetap sepi,
Raya datang silih berganti,
Tapi kau... *inda* lagi ada di sisi.

Baju baru masih tersimpan,
Inda seindah dulu ku rasakan,
Sebab yang selalu memuji penampilan,
Kini cuma tinggal kenangan.

Di dapur *inda* lagi sama baunya,
Inda lagi ada suara riuh gurau senda,
Kuih raya banyak di meja,
Tapi *inda* lagi manis rasanya.

Aku duduk diam di penjuru rumah,
Meliat gambar lama penuh cerita,
Air mata jatuh tanpa arah,
Rindu yang datang *inda* ku pinta.

Orang datang beraya, ku sambut jua,
Senyum ku beri walau dipaksa,
Dalam hati, Tuhan yang tahu saja,
Betapa kosongnya jiwa.

Kala malam menjelma perlahan,
Ku angkat tangan memohon doa,
"Ya Allah, sampaikan salam ku di sana,
Untuk dia yang ku rindu selamanya..."
Raya ani *inda* lagi sama,
Sejak kau pergi tinggalkan dunia,
Namun ku belajar menerima,
Bahagia itu... kadang hadir dalam luka.

Pena Merah

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.




Teknologi di sebalik kamera tanpa cermin

DUNIA fotografi telah menyaksikan satu peralihan besar sejak sedekad lalu. Sebelum ini kamera refleksi lensa tunggal atau Single-Lens Reflex (SLR), dan kemudiannya kamera digital Digital Single-Lens Reflex (DSLR) dianggap sebagai kamera terbaik dari segi kualiti gambar dan kecanggihan yang terbina dalam kamera jenis tersebut. Kini kemunculan kamera tanpa cermin atau *mirrorless camera* telah mengubah landskap industri. Kedua-dua sistem dalam kamera ini mempunyai reka bentuk yang berbeza, seterusnya menawarkan kelebihan dan kekurangan tersendiri yang perlu difahami oleh pengguna sebelum membuat keputusan pembelian.

Perbezaan paling ketara antara DSLR dan kamera tanpa cermin terletak pada sistem pemantulan cahaya. DSLR menggunakan mekanisme cermin dalam badan kamera. Cahaya dari lensa akan dipantulkan oleh cermin ke pentaprisma, lalu ke pembedang tilik optik atau Optic Viewfinder (OVF). Apabila butang pengatup ditekan, cermin ini akan terangkat buat seketika untuk membolehkan cahaya sampai ke sensor imej. Sebaliknya, kamera tanpa cermin, seperti namanya, tidak mempunyai cermin atau

pentaprisma. Cahaya dari lensa terus menuju ke sensor imej. Apa yang dilihat oleh pengguna melalui pembedang tilik elektronik atau Electronic Viewfinder (EVF) atau skrin LCD adalah paparan langsung dari sensor tersebut. Ketiadaan mekanisme cermin ini membolehkan badan kamera direka lebih padat, ringan, dan ringkas.

Kelebihan, kekurangan kamera tanpa cermin

Kelebihan utama kamera tanpa cermin sudah pasti dari segi saiz dan berat. Untuk pengembara atau jurufoto jalanan, sistem ini amat praktikal. Tanpa cermin dan pentaprisma, badan kamera menjadi lebih nipis dan ringan, begitu juga dengan sistem lensanya yang dioptimumkan untuk jarak fokus yang lebih pendek. Selain itu pembedang tilik elektronik (EVF) menawarkan pengalaman *What You See Is What You Get* (WYSIWYG) atau terjemahannya 'Apa Yang Dilihat, Itu Yang Kita Dapat'. Pengguna dapat melihat pendedahan,imbangan putih, dan kesan penapis secara langsung sebelum merakam gambar. Ini adalah satu kelebihan besar bagi seorang jurugambar pemula yang sedang

belajar. Dari segi prestasi, teknologi *autofocus* (AF) terkini pada kamera tanpa cermin, terutamanya sistem AF hibrid yang menggabungkan *phase-detection* dan *contrast-detection* terus pada sensor, sering kali lebih pantas, lebih tepat, dan mempunyai liputan kawasan fokus yang lebih luas berbanding DSLR peringkat sederhana. Untuk rakaman video, ia juga menjadi pilihan utama kerana sistem AF yang senyap dan stabil.

Namun, kamera tanpa cermin bukan tanpa kekurangan. Isu hayat bateri menjadi keluhan utama kerana sensor dan EVF sentiasa beroperasi, menyebabkan bateri lebih cepat habis berbanding DSLR yang hanya menggunakan kuasa untuk fokus dan pengatup. Walaupun semakin berkurangan, sesetengah pengguna profesional masih merasakan bahawa genggaman dan keseimbangan kamera tanpa cermin, terutamanya apabila digandingkan dengan lensa besar, kurang ergonomik berbanding DSLR yang lebih tegap.

Kelebihan, kekurangan kamera DSLR

DSLR masih memegang beberapa kelebihan tradisi.

Pertama ialah pembedang tilik optik (OVF) memberikan pengalaman melihat subjek secara langsung tanpa sebarang kelengahan (*lag*) atau pikselasi. Ia lebih selesa untuk penggunaan jangka panjang dan tidak membebankan mata seperti EVF dalam keadaan gelap. Kedua, hayat bateri DSLR jauh lebih tahan lama. Satu sesi cas bateri boleh digunakan untuk mengambil ratusan bahkan ribuan gambar kerana mekanisme cermin dan skrin hanya berfungsi apabila diperlukan. Ketiga, ketersediaan lensa dan aksesori bekas di pasaran terpakai sangat luas, menawarkan pilihan bajet yang lebih fleksibel.

Kekurangan DSLR mula terasa apabila menyentuh aspek mobiliti. Badannya yang besar dan berat boleh menjadi beban, terutamanya apabila perlu dibawa sepanjang hari. Sistem AF secara tradisional menggunakan modul AF berasingan yang mungkin memerlukan penalaan halus (*micro-adjustment*) untuk mengelakkan isu fokus depan atau belakang, sesuatu yang tidak wujud pada kamera tanpa cermin. Selain itu, mekanisme cermin yang bergerak menghasilkan bunyi yang agak kuat dan getaran, kurang sesuai untuk situasi yang memerlukan kesenyapan seperti

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

merakam hidupan liar atau majlis perkahwinan.

Kesimpulan

Tidak ada jawapan mutlak mengenai mana yang lebih baik. Pilihan antara kamera tanpa cermin dan DSLR bergantung sepenuhnya kepada keperluan dan gaya fotografi pengguna. Bagi mereka yang mengutamakan portabiliti, teknologi AF terkini untuk video, dan kemudahan untuk pemula, kamera tanpa cermin adalah pilihan yang sangat tepat. Ia adalah masa depan fotografi yang sedang pesat membangun.

Sebaliknya, bagi jurufoto profesional yang memerlukan ketahanan bateri luar biasa, keselesaan genggaman untuk lensa besar seperti telefoto, dan kepuasan menggunakan pembedang tilik optik (OVF) yang klasik, DSLR masih menjadi tulang belakang industri yang boleh diharapkan. Pada akhirnya, kamera terbaik bukanlah yang paling canggih di pasaran, tetapi yang sentiasa ada di sisi awda dan membuatkan awda teruja untuk terus merakam detik-detik berharga.





Perkasa kemahiran belia menerusi rawatan kecantikan 'gua sha' wajah

Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

PEMBANGUNAN modal insan amat berkait rapat dengan pembangunan belia di negara ini, di mana belia merupakan aset penting yang akan menjadi penggerak dan pemacu pada kemajuan serta pembangunan negara.

Penguasaan ilmu, kemahiran serta keterampilan bakal belia akan dapat menyerlahkan lagi potensi diri belia seperti dalam bidang keusahawanan sehingga membawa kepada penghasilan idea, reka cipta serta inovasi dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

Oleh itu, sebagai salah satu usaha menyokong aspirasi pemeriksa belia dan pembangunan modal insan yang berkemahiran, berkualiti serta berdaya saing khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD), satu bengkel rawatan kecantikan yang dikenali sebagai Bengkel Gua Sha Wajah telah dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Brunei dan Muara (DBM) di bawah kendalian tenaga pengajar Tatarias Pusat Belia sekitar pertengahan bulan Januari lalu.

Bengkel sehari bersempena Hari Bertindak (Day Of Action) itu telah diadakan di premis Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dengan disambut baik oleh lebih 15 peserta yang terdiri daripada golongan belia perempuan berusia antara 18 hingga 30 tahun sambil memanfaatkan masa lapang mereka.

Terokai kelebihan rawatan *gua sha*

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Pengendali Tatarias Pusat Belia, Dayang Asmah binti Abdul Wahab antaranya menjelaskan, *gua sha* merupakan teknik Traditional Chinese Medicine (TCM) yang digunakan untuk merangsang peredaran darah, mengurangkan ketegangan otot dan meningkatkan kesihatan kulit wajah.

"Dari kata '*gua*' bererti gosokan lembut manakala kata '*sha*' pula bermaksud rangsangan peredaran darah. Maka teknik ini perlu dilakukan secara perlahan dan lembut yang bukan hanya boleh digunakan di bahagian wajah bahkan juga kepala dan anggota badan bahagian belakang kita,"

hurainya ringkas.

Dalam konteks kecantikan moden, tambah beliau, teknik berkenaan membantu menaikkan seri wajah, melancarkan peredaran darah dan memulihkan keanjalan kulit secara semula jadi.

"Untuk memulakan rawatan *gua sha* ini, produk pelembap, minyak muka atau serum sebagai pelicin yang amat perlu diaplikasikan atau disapukan pada permukaan anggota yang ingin dilakukan rawatan tersebut sebelum meneruskan teknik *gua sha*. Penggunaan produk pelicin ini sangat penting untuk mengelakkan kulit daripada ditarik secara kasar, mengurangkan risiko iritasi serta memudahkan alat *gua sha* meluncur dengan lancar di atas permukaan kulit," kongsiyanya lagi.

Ketahui teknik asas urutan *gua sha*

Dalam pada itu, Dayang Asmah juga menekankan tiga prinsip penting yang perlu dititik beratkan apabila melakukan teknik asas urutan *gua sha* pada wajah ialah melakukan tekanan lembut dengan menggunakan alat *gua sha* dengan sudut 15 hingga 30 darjah kemudian tarik perlahan-lahan ke arah atas dan juga ke luar.

"Secara lazimnya, untuk urutan rawatan *gua sha* pada wajah memerlukan 20 hingga 30 minit sahaja secara anggarannya dengan bermula dari bahagian leher iaitu urutan dari bawah ke atas menuju ke bahagian rahang, kemudian di bahagian rahang dilakukan urutan dari tengah dagu ke arah telinga dan diteruskan lagi di bahagian pipi dengan dilakukan urutan dari sisi hidung ke arah telinga.

"Selepas itu, barulah diikuti dengan urutan di bahagian bawah mata dari sudut dalam mata ke arah luar dengan penuh kelembutan. Urutan seterusnya dilakukan di bahagian dahi dari kening ke atas dahi bermula dari tengah dahi ke sisi pelipis. Sebaik-baiknya ulang setiap pergerakan di setiap bahagian urutan itu sebanyak lima hingga 10 kali," hurai beliau lanjut.

Pantang larang rawatan *gua sha*

Selain itu, Dayang Asmah turut mengingatkan bahawa antara perkara yang perlu dielak untuk melakukan rawatan *gua sha* apabila terjadinya kulit luka atau radang, berjerawat teruk dan juga bagi mereka yang baru membuat rawatan laser atau suntikan.

"Selepas melakukan rawatan teknik *gua sha* ini, begitu penting untuk minum air secukupnya bagi membantu pembuangan toksin dan elakkan menggunakan solekan berat pada wajah dan kita mestilah merehatkan wajah untuk mendapatkan hasil terbaik," tambah beliau.

Pupuk keyakinan positif golongan belia

Melalui bengkel ini, jelas Dayang Asmah lanjut, para peserta telah didedahkan kepada rawatan kecantikan holistik yang selamat dan beretika, khususnya teknik *gua sha*, malah membuka ruang kepada belia-belie kita untuk membina keyakinan diri serta meneroka peluang kerjaya dan

keusahawanan dalam industri kecantikan secara profesional.

Dengan kejayaan bengkel berkenaan, pihak JBS, Cawangan DBM dan juga Tatarias Pusat Belia turut berharap agar lebih ramai belia akan berkecimpung atau menceburi bidang kecantikan secara profesional dan berinovasi dalam industri yang berkembang pesat ini. Melalui bengkel ini, ia juga sebagai salah satu usaha penekanan terhadap kepentingan pembangunan belia holistik dan berimpak tinggi adalah sejajar dengan aspirasi untuk melahirkan generasi belia yang berkemahiran, berdaya saing dan berinovasi dalam industri masa depan.

Dengan penganjuran bengkel berkenaan, ia turut membuktikan komitmen para tenaga pengajar Tatarias Pusat Belia secara berterusan dalam melaksanakan inisiatif pembangunan belia yang fokus kepada peningkatan pengetahuan, penguasaan kemahiran praktikal serta pembentukan keyakinan diri selain lebih kreatif dalam mengadaptasi cabaran global termasuklah perniagaan skala kecil.





SEORANG MAUT AKIBAT SIKLON LUAR TROPIKA DI URUGUAY

MONTEVIDEO, 9 April. - Siklon luar tropika melanda sebahagian kawasan pantai selatan dan timur Uruguay dari Selasa malam hingga pagi Rabu mengakibatkan seorang

maut, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Mangsa ialah seorang lelaki berusia 51 tahun yang maut di Punta del Este, di wilayah Maldonado di tenggara negara itu, selepas kenderaannya melanggar sebatang pokok yang tumbang akibat tiupan angin mencecah 100 kilometer sejam (km/j), sebelum dilanggar

sebuah kereta lain.

Perbandaran Maldonado memaklumkan kawasan pantai itu paling teruk terjejas dengan banyak pokok dan talian elektrik tumbang, manakala pegawai sedang giat menjalankan usaha susulan bagi menangani kesan kejadian itu.

Sementara itu, Jabatan Bomba Kebangsaan melaporkan menerima

kira-kira 500 panggilan menjelang subuh di ibu negara Montevideo dan kawasan metropolitan sekitarnya bagi melaporkan kejadian pokok tumbang, talian elektrik terputus, bumbung diterbangkan angin serta bangunan yang berisiko runtuh.

Di Montevideo, empat individu berjaya diselamatkan dari sebuah rumah yang sebahagiannya runtuh,

manakala seorang lelaki muda mengalami kecederaan parah selepas dihempap dahan pokok yang tumbang.

Menurut Institut Meteorologi Uruguay (Inumet), tiupan angin paling kencang direkodkan di San Jacinto, di wilayah Canelones, yang mencecah 111 km/j, serta di Atlantida, juga di Canelones. - ©BERNAMA

Republik Indonesia turunkan kos haji 2026 sebanyak RP2 juta, tempoh menunggu dipendekkan

JAKARTA, 9 April. - Republik Indonesia menetapkan kos menunaikan haji bagi 2026 lebih rendah kira-kira Rp2 juta (RM465.85) bagi setiap jemaah meskipun harga bahan api penerbangan (avtur) meningkat, sebagai sebahagian daripada usaha mengurangkan beban kewangan golongan berpendapatan rendah.

Presiden Prabowo Subianto berkata langkah itu mencerminkan komitmen kerajaan untuk melindungi rakyat, selagi tiada perubahan dasar oleh Arab Saudi.

"Walaupun harga avtur meningkat, kami bertekad untuk mengurangkan kos haji kira-kira Rp2 juta.

"Ini komitmen kerajaan untuk

melindungi golongan berpendapatan rendah," katanya dalam taklimat bersama menteri Kabinet di Istana Presiden di sini, pada Rabu.

Kerajaan dan Dewan Perwakilan sebelum ini bersetuju bahawa Kos Pengurusan Ibadah Haji (BPIH) bagi 2026 dikurangkan sebanyak Rp2 juta, menjadikan jumlah keseluruhan Rp87,409,366 (kira-kira RM20,359.88) bagi setiap jemaah.

Presiden itu turut menyentuh penambahbaikan tempoh menunggu berdasarkan laporan terbaharu yang diterima kerajaan.

"Tempoh menunggu tidak lagi mencecah 48 tahun. Bermula 2026, tempoh menunggu paling lama diunjurkan sekitar 26 tahun

dan kami akan terus berusaha untuk memendekkannya lagi," katanya.

Prabowo berkata Indonesia juga telah memohon kelulusan pihak berkuasa Arab Saudi untuk membangunkan terminal haji khusus bagi mempercepat urusan keluar masuk jemaah Republik Indonesia.

"Insya-Allah, kami telah memohon kebenaran daripada kerajaan Arab Saudi supaya Republik Indonesia mempunyai terminal haji khas, agar jemaah kami dapat masuk dan keluar dengan lebih cepat," katanya.

Beliau berkata Garuda Indonesia dan dana kekayaan negara, Danantara turut diarahkan supaya mendekati Saudi Airlines

bagi mewujudkan usaha sama dengan struktur pegangan 50:50 antara pihak Republik Indonesia dan Arab Saudi untuk mengoptimalkan penggunaan penerbangan.

"Ketika ini, pesawat Garuda membawa jemaah ke Arab Saudi tetapi pulang dalam keadaan kosong. Keadaan ini tidak

menjimatkan. Penerbangan Saudi yang membawa pulang jemaah kami ke Indonesia juga kembali kosong," katanya.

"Kos boleh dikurangkan lagi dan tempoh perjalanan juga dapat dipendekkan," katanya sambil menambah bahawa arahan itu telah dikeluarkan kira-kira dua bulan lepas. - ©BERNAMA

Gunung berapi Semeru, Republik Indonesia meletus lagi

JAKARTA, 8 April. - Gunung Semeru yang terletak di Wilayah Jawa Timur, Republik Indonesia, meletus sekali lagi pada Selasa, memuntahkan awan panas besar ke udara, menurut Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi, lapor Xinhua.

Gunung berapi itu kekal pada tahap amaran Tahap 3, iaitu tahap kedua tertinggi dalam sistem

amaran empat peringkat negara itu.

Letusan pada 5.30 petang waktu tempatan menghasilkan abu setinggi kira-kira 2,000 meter di atas kawah, dengan kepulan tebal berwarna kelabu bergerak ke arah timur laut dan timur. Seismograf merekodkan kejadian itu berlangsung lebih tujuh minit.

Tiada kemalangan jiwa atau

kerusakan segera dilaporkan, namun pihak berkuasa memberi amaran bahawa pengumpulan material gunung berapi di cerun boleh mencetuskan aliran puing atau lahar sekiranya hujan lebat berlaku.

Kejadian ini menyusuli aktiviti pada Isnin yang menyaksikan beberapa letusan berasingan direkodkan. - ©BERNAMA

Enam maut dalam banjir di Dagestan, Rusia

MOSCOW, 8 April. - Enam termasuk tiga kanak-kanak maut dalam banjir berikutan jumlah hujan tertinggi di Republik Dagestan, Rusia, kata ketua wilayah Sergei Melikov pada Selasa, lapor Xinhua.

Hujan lebat di Dagestan pada hujung Mac dan 5 April telah mencetuskan banjir yang meluas, gangguan bekalan air dan kuasa, runtuh batu dan aliran lumpur, merosakkan jalan dan jambatan, kata Melikov pada sidang video yang dipengerusikan oleh Presiden Rusia Vladimir Putin.

Takungan Gedzhukh di daerah Derbentsky pecah pada Ahad, memaksa lebih 4,000 orang berpindah, katanya, sambil menambah sebanyak 6,200 orang telah dipindahkan di Dagestan, dengan 55 pusat penginapan sementara didirikan.

Putin berkata pada 30 Mac, hujan tiga kali ganda purata bulanan menimpa Dagestan dalam satu hari, rekod tertinggi bagi rantau itu sejak pemerhatian meteorologi bermula pada 1882.

Beliau menggesa pihak berkuasa persekutuan, wilayah

dan tempatan untuk berganding bahu dalam memantau situasi secara profesional, menilai kerosakan dan memberikan bantuan undang-undang tepat pada masanya kepada mereka yang terjejas.

Menteri Kecemasan Alexander Kurenkov menyatakan peningkatan mendadak paras sungai di Dagestan berikutan taufan kuat pada hujung minggu telah menyebabkan banjir pada lebih 6,000 bangunan kediaman di 25 penempatan dan kerosakan infrastruktur pengangkutan. - ©BERNAMA

Madagascar isytihar darurat kerana kekurangan bahan api

LUSAKA (Zambia), April 8. - Madagascar pada Selasa mengisytiharkan darurat tenaga di seluruh negara susulan konflik Asia Barat yang menyebabkan gangguan besar terhadap bekalan tenaga, menurut Anadolu Ajansi.

Negara pulau itu melaporkan kekurangan bahan api di seluruh negara, memaksa Kabinetnya untuk meneruskan langkah segera bagi memulihkan bekalan tenaga dan memastikan kesinambungan perkhidmatan awam.

"Pengisytiharan darurat tenaga

membolehkan pihak berkuasa mengambil langkah luar biasa dan segera untuk memulihkan bekalan tenaga dan memastikan kesinambungan perkhidmatan awam.

"Keputusan itu diambil berikutan pemerhatian bahawa negara sedang menghadapi krisis serius akibat gangguan bekalan tenaga di seluruh pulau yang dikaitkan dengan konflik di Timur Tengah," menurut kenyataan Kabinet.

Beberapa kerajaan Afrika telah melaksanakan langkah seperti penggantungan cukai ke atas

import bahan api sebagai tindak balas terhadap lonjakan harga minyak global yang didorong oleh perang Amerika Syarikat-Israel menentang Iran.

Zambia menghapuskan Cukai Tambah Nilai (VAT) dan menggantung duti eksais ke atas import petrol dan diesel selama tiga bulan yang berkuat kuasa 1 April, manakala Botswana menggantung levi jalan raya dan bahan api selama enam bulan untuk melindungi pengguna daripada kenaikan harga minyak global. - ©BERNAMA

Eropah menuju krisis tenaga paling serius dalam sejarah

ISTANBUL, 8 April. - Perdana Menteri Hungary Viktor Orban memberi amaran pada Selasa yang Eropah sedang menuju ke arah "krisis tenaga paling serius dalam sejarah" semasa sidang media bersama Naib Presiden AS JD Vance, di Budapest, lapor Anadolu Ajansi.

"Eropah sedang menuju krisis tenaga paling serius dalam sejarah; kita menyaksikan kenaikan harga yang drastik dan jika kita tidak bertindak tepat pada masanya, mungkin akan berlaku kekurangan tenaga, minyak dan gas," kata Orban kepada wartawan susulan kenaikan harga tenaga akibat ketegangan di Asia Barat.

Beliau menegaskan yang rundingan sedang dijalankan mengenai krisis tenaga blok itu dan menekankan kepentingan kerjasama tenaga antara Amerika dan Hungary.

Orban berkata tanpa kerjasama itu, mereka tidak dapat menjamin keselamatan tenaga Hungary dan pengurangan bil utiliti juga tidak akan mungkin.

Beliau turut memuji usaha keamanan yang dicetuskan Presiden AS Donald Trump, berkaitan perang Moscow-Kyiv dan berkata jika Brussels tidak menghalang usahanya, "perdamaian di Ukraine mungkin sudah tercapai lama dahulu".

Orban berkata amat penting bagi mereka yang AS di bawah Trump memulakan sidang kemuncak keamanan dan mencadangkan Budapest sebagai lokasi, yang menurut Orban, "secara praktikal merupakan satu-satunya lokasi yang mungkin di Eropah". - ©BERNAMA

Pengeluaran minyak OPEC terendah dalam empat dekad pada Mac

ISTANBUL, 8 April. - Pengeluaran minyak mentah Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) mencatatkan penurunan bulanan paling teruk dalam sekurang-kurangnya empat dekad pada Mac.

Hal itu susulan perang di Asia Barat yang secara mendadak menjejaskan eksport dari negara anggota utama, lapor Anadolu Ajansi, memetik tinjauan Bloomberg.

Pengeluaran OPEC turun sebanyak 7.56 juta tong sehari, atau kira-kira 25 per cnet, kepada 22 juta sehari pada Mac, menurut tinjauan itu.

Kemerosotan itu disebabkan oleh perang yang melibatkan pakatan Amerika Syarikat-Israel dan anggota OPEC Iran menutup Selat Hormuz sekali gus memaksa Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Iraq mengurangkan pengeluaran.

Data tinjauan bermula seawal 1989 menunjukkan penurunan bulan Mac ialah penurunan bulanan terbesar dalam sekurang-kurangnya empat dekad, walaupun kumpulan itu membuat pemotongan lebih banyak dalam tempoh dua bulan pada 2020, apabila permintaan bahan api global merosot semasa pandemik Coronavirus.

Dari segi tong, penurunan itu juga akan melebihi kerugian yang dilihat semasa embargo minyak Arab 1973, menurut Bloomberg.

Kejutan bekalan mendorong harga minyak mentah lebih tinggi secara mendadak, dengan niaga hadapan Brent meningkat kepada hampir AS\$120 setong di London bulan lepas.

Brent didagangkan hampir AS\$110 pada Selasa, manakala kenaikan harga bahan api jet, diesel dan petrol terus menekan pengguna.

Dalam kalangan anggota OPEC, Iraq mencatatkan penurunan terbesar, dengan pengeluaran susut sebanyak 2.76 juta tong sehari kepada 1.63 juta tong sehari, diikuti Arab Saudi (2.07 juta tong kepada 8.36 juta tong) dan UAE turun sebanyak 1.44 juta tong kepada 2.16 juta tong sehari.

Pada 5 April, OPEC bersetuju untuk meningkatkan bekalan bagi Mei namun mengingatkan bahawa masa diperlukan untuk memulakan semula operasi fasiliti yang rosak dalam konflik. - ©BERNAMA

SEMPADAN REPUBLIK RAKYAT CHINA CATAT PENINGKATAN 13.5 PERATUS



BEIJING, 10 April. - Pihak berkuasa sempadan Republik Rakyat China mengendalikan sebanyak 185 juta kemasukan dan keluar masuk pada suku pertama 2026, meningkat 13.5 peratus berbanding tahun sebelumnya, kata pegawai pada hari Jumaat.

Penduduk tanah besar Republik Rakyat China

mencatatkan sejumlah 91.66 juta perjalanan rentas sempadan, peningkatan 14.2 peratus tahun ke tahun, menurut Pentadbiran Imigresen Negara.

Warga asing pula telah melakukan 21.33 juta pergerakan rentas sempadan dalam tempoh tiga bulan pertama, meningkat 22.3 peratus tahun ke tahun. Kemasukan tanpa visa

menyumbang 77.9 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dilakukan oleh warga asing. - ©XINHUA

PELANCONG asing semasa menunggu prosedur pemeriksaan sempadan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sanya Phoenix, wilayah Hainan, selatan Republik Rakyat China.



Ecuador naikkan duti kastam ke atas Colombia kepada 100 peratus

ISTANBUL, 10 April. - Ecuador pada Khamis mengumumkan akan menaikkan duti kastam ke atas import dari negara jiran Colombia kepada 100 peratus berbanding 50 peratus sebelum ini, bermula 1 Mei, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Langkah itu diambil selepas Kementerian Pengeluaran Ecuador mengkritik Colombia kerana tidak mengambil langkah mencukupi bagi membanteras pengedaran dadah serta memastikan keselamatan sempadan.

"Selepas mengambil maklum kekurangan pelaksanaan langkah konkrit dan berkesan berkaitan keselamatan sempadan di pihak Colombia, Ecuador terpaksa mengambil tindakan berdaulat," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan.

Kementerian itu memaklumkan kenaikan duti berkenaan diperlukan bagi menggalakkan

tindakan lebih tegas terhadap pengedaran dadah di sepanjang sempadan.

"Bagi Ecuador, keselamatan serta usaha memerangi rasuah dan pengedaran dadah merupakan keutamaan yang tidak boleh dirunding.

"Langkah ini menegaskan semula komitmen negara untuk melindungi rakyatnya dan memelihara kedaulatan wilayahnya," menurut kenyataan itu.

Ketegangan perdagangan antara Colombia dan Ecuador, yang mempunyai hubungan komersial sejak sekian lama, bermula dengan tarif 30 peratus dikenakan pada 1 Februari, sebelum Ecuador menaikkan kadar itu kepada 50 peratus mulai 1 Mac.

Sebagai tindak balas, kerajaan Colombia mengumumkan penggantungan eksport elektrik ke Ecuador bermula 1 Februari

selepas Quito mengenakan tarif berkenaan.

Colombia turut mengumumkan tarif 30 peratus ke atas beberapa produk terpilih Ecuador.

Ecuador kemudian bertindak balas dengan menaikkan fi transit minyak milik syarikat milik kerajaan Colombia, Ecopetrol, melalui saluran paip Petroecuador daripada USD3 kepada USD30 setong.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara itu berada sekitar USD2.8 bilion, dengan Ecuador mencatat defisit perdagangan kira-kira USD900 juta.

Ketegangan diplomatik turut memuncak antara Presiden Colombia Gustavo Petro dan Presiden Ecuador Daniel Noboa berhubung pendekatan berbeza dalam menangani kumpulan pengedaran dadah di kawasan sempadan. - ©BERNAMA

Kerajaan Filipina salur subsidi bahan api untuk kenderaan perkhidmatan awam

MANILA, 10 April. - Kerajaan Filipina akan menyalurkan subsidi bahan api sebanyak PHP10 seliter bagi kenderaan perkhidmatan awam (PUV) untuk tempoh sehingga tiga bulan, sebagai sebahagian daripada usaha mengurangkan kesan kenaikan harga minyak, kata Presiden Ferdinand R. Marcos Jr. pada Khamis.

Dalam satu video, Marcos berkata subsidi itu meliputi sehingga 150 liter seminggu bagi setiap kenderaan, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Menurut Presiden, program itu akan dilaksanakan terlebih dahulu di Metro Manila minggu depan,

bermula di sepanjang Commonwealth Avenue, sebelum diperluas ke koridor utama lain termasuk Quezon Avenue, España, Zapote, E. Bonifacio, Rizal Avenue dan Lebuhraya Marcos.

Subsidi itu akan dilaksanakan menerusi stesen minyak terpilih yang dipantau Jabatan Tenaga bagi mengelakkan penyalahgunaan.

"Ini penting kerana kita bukan sahaja menangani kos pengangkutan. Kita juga menghalang kenaikan harga makanan dan barangan keperluan lain," kata Marcos.

Langkah itu merupakan

sebahagian daripada tindak balas lebih menyeluruh kerajaan terhadap krisis tenaga, ketika harga minyak global melonjak susulan gangguan laluan bekalan, termasuk ketegangan yang menjejaskan Selat Hormuz.

Marcos berkata campur tangan itu bertujuan melindungi pekerja sektor pengangkutan dan juga pengguna daripada kesan rantaian akibat peningkatan kos bahan api.

Kerajaan sebelum ini melaksanakan program subsidi tunai bahan api dan sedang mengkaji kemungkinan pelarasan cukai eksais bahan api bagi mengurangkan harga runcit di stesen minyak. - ©BERNAMA

Indonesia tubuh Denera, entiti baharu negara bagi rancakkan pelaburan sisa kepada tenaga

JAKARTA, 10 April. - Dana kekayaan berdaulat Indonesia, Danantara Indonesia menubuhkan sebuah entiti baharu milik kerajaan bagi mempercepat pelaburan dalam sektor sisa kepada tenaga, susulan permintaan yang terus meningkat terhadap penyelesaian pengurusan sisa mampan.

Pengarah pelaburan di Danantara Investment Management (DIM), Fadli Rahman berkata entiti itu yang dikenali

sebagai PT Daya Energi Bersih Nusantara (Denera), ditubuhkan pada 1 April.

"Ia sebuah syarikat baharu yang ditubuhkan oleh DIM, memberi tumpuan pada program sisa kepada tenaga," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA pada Jumaat.

Rahman berkata Denera akan mengambil pegangan ekuiti dalam projek yang dibangunkan menerusi usaha sama dengan memegang 30 peratus saham, manakala baki

pegangan dimiliki pemaju swasta.

Denera, anak syarikat DIM turut akan bertanggungjawab mengendalikan projek berkenaan, katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa setiap kemudahan sisa kepada tenaga dijangka memerlukan pelaburan sekitar Rp2.5 trilion hingga Rp2.8 trilion, mencerminkan sifat sektor itu yang memerlukan modal besar. - ©BERNAMA

Eropah rekod Mac kedua paling panas, suhu laut global turut meningkat

COLOGNE, 10 April. - Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus Kesatuan Eropah (EU) melaporkan bahawa Eropah mengalami Mac kedua paling panas yang pernah direkodkan, ketika suhu permukaan laut global turut mencatat paras kedua tertinggi bagi bulan itu.

Di peringkat global, Mac disenaraikan sebagai bulan keempat paling panas bagi tempoh itu sejak rekod mula disimpan, dengan purata suhu 13.94 darjah Celsius.

Data menunjukkan suhu berkenaan adalah 1.48 darjah Celsius lebih tinggi berbanding purata praindustri bagi Mac pada tempoh 1850 hingga 1900, serta 0.53 darjah Celsius melebihi purata Mac bagi tempoh 1991 hingga 2020.

Copernicus memaklumkan trend suhu melampau itu terus berlarutan. Mac paling panas dalam rekod sebelum ini dicatatkan pada 2024.

Di Eropah, purata suhu mencecah 5.88 darjah Celsius, iaitu 2.27 darjah Celsius melebihi garis dasar 1991 hingga 2020. Walaupun sebahagian besar benua itu lebih kering daripada kebiasaan, hujan lebat turut menyebabkan banjir di beberapa kawasan Mediterranean dan Scandinavia.

Menurut Copernicus, Artik turut merekodkan keluasan ais laut Mac terendah pernah dicatatkan, iaitu 5.7 peratus di bawah purata bagi bulan berkenaan.

Suhu permukaan laut global pula mencatat purata 20.97 darjah Celsius, menjadikannya paras kedua tertinggi pernah direkodkan bagi Mac.

Keadaan cuaca berbeza dengan ketara mengikut wilayah, dengan gelombang haba berpanjangan melanda barat Amerika Syarikat, manakala Alaska, Kanada dan barat laut Siberia mengalami cuaca yang luar biasa sejuk.

Pengarah Copernicus, Carlo Buontempo berkata keseluruhan angka itu mencerminkan sistem iklim yang berdepan tekanan berterusan dan semakin memuncak.

Perkhidmatan itu secara berkala menerbitkan data mengenai suhu permukaan global, ais laut dan hujan berdasarkan analisis komputer yang menggabungkan berbilion data daripada satelit, kapal, pesawat dan stesen cuaca di seluruh dunia. - ©BERNAMA

Penerbangan tidak terjejas selepas kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Mumbai

HYDERABAD, 10 April. - Operasi penerbangan tidak terjejas selepas kebakaran berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Chhatrapati Shivaji Maharaj (CSMIA) di Mumbai pada petang Khamis.

Insiden di Terminal 1 itu dilaporkan berpunca daripada litar pintas elektrik, menurut kenyataan lapangan terbang berkenaan.

"Kebakaran berjaya dikawal serta-merta oleh pasukan tindak balas kecemasan dalam tempoh beberapa minit. Operasi lapangan terbang kekal tidak terjejas," kata seorang jurucakap.

Media tempatan melaporkan kebakaran bermula pada kabel dan panel bekalan kuasa.

Kebakaran berjaya dipadamkan selepas kira-kira tiga jam pada 9.20 malam, dengan operasi terganggu seketika susulan asap tebal yang menyelubungi kawasan itu.

Kamera litar tertutup terjejas dan beberapa jambatan udara ditutup sebagai langkah berjaga-jaga, menurut satu laporan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SALING MENGHORMATI SESAMA PENGGUNA JALAN RAYA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 April. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dengan kerjasama Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam (BDCF) baru-baru ini telah mengadakan aktiviti berbasikal bagi projek rintis 'Riadah Berbasikal Setiap Rabu Malam' sebagai satu inisiatif berterusan dalam meningkatkan keselamatan jalan raya.

Inisiatif berkenaan menyediakan laluan alternatif bagi aktiviti berbasikal di Daerah Brunei dan Muara, meliputi laluan di sepanjang Jalan Perdana Menteri, Jalan Ong Sum Ping, Jalan Kebangsaan dan Jalan Menteri Besar.

Laluan berkenaan digunakan secara perkongsian bersama kenderaan lain dan dikhususkan pada setiap Rabu malam, bermula dari jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam. Pelaksanaan projek rintis berkenaan bertujuan untuk menilai kesesuaian serta keberkesanan penyediaan laluan berbasikal yang selamat melalui konsep perkongsian jalan raya dengan pengguna lain di Negara Brunei Darussalam.

Cadangan laluan alternatif berbasikal bagi Bandarku Ceria (BKC) akan dimaklumkan kemudian, manakala laluan bagi daerah-daerah lain boleh digunakan oleh orang ramai bermula pada 28 Mac 2026.

Orang ramai adalah dialu - alukan untuk memanfaatkan laluan-laluan yang telah disediakan berkenaan sebagai satu usaha bersama dalam meningkatkan keselamatan serta kelancaran pergerakan di jalan raya.

Dalam pada itu, MKKJR juga menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa meningkatkan kewaspadaan, mematuhi peraturan lalu lintas serta menghormati segala nasihat dan langkah keselamatan yang diberikan. Keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama, disiplin dan keprihatinan semua pihak.

Pendekatan 'Share the Road' menekankan kepentingan sikap saling menghormati sesama pengguna jalan raya, sekali gus menyumbang ke arah persekitaran jalan raya yang selamat, teratur dan harmoni untuk semua.

Awang Haji Mohd. Yusoff bin Awang Haji Chuchu, salah seorang penunggang basikal yang ikut serta ketika ditemui



SESI bergambar ramai pada projek rintis 'Riadah Berbasikal Setiap Rabu Malam' (atas). Manakala gambar bawah, Presiden BDCF, Awang Haji Harith bin Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Abdul Aziz semasa ditemu bual.

berkata, program 'Riadah Berbasikal Setiap Rabu Malam' merupakan satu inisiatif yang amat baik dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya, khususnya dalam kalangan pekayuh basikal dan juga pengguna jalan raya yang lain.

Jelasnya lagi, melalui program berkenaan, orang ramai dapat melihat sendiri kepentingan berkongsi jalan raya secara selamat dan berhemah mengikut Prosedur

Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti memakai pakaian yang berwarna terang, memastikan lampu-lampu yang bersesuaian untuk digunakan pada siang hari dan waktu malam serta beberapa perkara lainnya.

Sementara itu, Presiden BDCF, Awang Haji Harith bin Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Abdul Aziz pula berkata, projek rintis berkenaan

diharapkan mampu mendidik para pekayuh basikal di samping memperoleh maklumat yang baik dan membina daripada komuniti tersebut serta memberi

penekanan bahawa aktiviti berbasikal dibenarkan di jalan raya di lokasi-lokasi tertentu.



KBS kekal penganjur LTdL untuk tempoh tiga tahun

PUTRAJAYA, 9 April. - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kekal sebagai penganjur perlumbaan berprestij Le Tour de Langkawi (LTdL) 2026 yang dijadual berlangsung dari 27 September hingga 4 Oktober depan.

Menteri Belia dan Sukan Dr. Mohammed Taufiq Johari berkata KBS telah memperoleh kelulusan Jemaah Menteri untuk menjadi penganjur bagi tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

"Saya telah mengangkat kertas Jemaah Menteri pada 8 April supaya LTdL ini diletakkan di bawah KBS sebagai peneraju program dan kita juga telahpun mendapat pengiktirafan secara global antara penganjur terbaik dunia oleh Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI)," katanya pada sidang media Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA 2026 di Menara KBS di sini hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dijangka mengambil alih penganjuran perlumbaan berprestij LTdL 2026, menggantikan Majlis Sukan Negara (MSN) yang mengendalikannya sejak tiga tahun lepas.

Sementara itu, Dr. Mohammed Taufiq berkata KBS bersama MSN optimis dengan kepakaran dalam bidang penganjuran, laluan dan pengalaman yang dimiliki dalam penganjuran sebelum ini.

Beliau berkata penganjuran tahun ini juga akan melibatkan kerjasama rentas kementerian khususnya MOTAC.

Menurut beliau, LTdL 2026 akan melibatkan kos RM12 juta yang dimohon menerusi Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN) tidak termasuk penaja.

"Untuk tahun ini kos sebanyak RM12 juta digunakan daripada dana KWASN dan

usaha kita untuk mendapatkan lebih banyak lagi tajaan bagi menjayakan

penganjuran LTdL 2026," katanya. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

JABATAN Pengangkutan Darat (JPD) telah membuat beberapa inisiatif dalam memastikan keselamatan orang ramai dengan menyediakan perkhidmatan Notis Tidak Menggunakan Kenderaan (Notice of Vehicle Non-Use) yang membolehkan pemilik kenderaan membuat pengisytiharan rasmi untuk tidak menggunakan kenderaan mereka di jalan raya awam bagi tempoh tertentu, sekali gus mengecualikan pemilik kenderaan daripada kewajipan membayar Lesen Kenderaan (Road Tax) sepanjang tempoh kenderaan tersebut tidak digunakan. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi JPD www.jpd.gov.bn atau diperoleh di Ibu Pejabat serta cawangan-cawangan daerah JPD.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi Januari 2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MENGASIHI DAN MENJAGA ANAK-ANAK YATIM DENGAN IHSAN